

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 13 DISEMBER 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah prestasi dan dapatan OPS TIRIS yang dilaksanakan selama 6 bulan bermula 1 Mac 2023 yang bertujuan untuk memastikan pelaksanaan subsidi diesel tidak mengalami ketirisan dan sampai kepada pihak yang layak menerimanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

OPS TIRIS telah dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 1 Mac 2023 bertujuan untuk membanteras ketirisan minyak diesel bersubsidi yang telah menyebabkan kerugian besar kepada Kerajaan serta mengakibatkan bekalan minyak diesel bersubsidi tidak sampai kepada mereka yang layak.

Sepanjang pelaksanaan OPS TIRIS, KPDN bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*NFCC*) bagi memastikan penguatkuasaan yang dijalankan adalah lebih menyeluruh dan bersepadu.

Sepanjang tempoh lapan bulan pelaksanaan OPS TIRIS (1 Mac 2023 sehingga 11 Disember 2023), KPDN telah menjalankan **14,795 pemeriksaan** dipelbagai peringkat di seluruh negara termasuk di kawasan sempadan dengan negara jiran iaitu **pelesen dan pihak industri** yang menggunakan minyak diesel serta **lokasi** yang dijadikan stor-stor penyimpanan yang disyaki menjadi pusat aktiviti penyelewengan diesel.

NO SOALAN: 9

Sepanjang tempoh yang sama, OPS TIRIS telah menghasilkan sebanyak **772 kes** melibatkan nilai sitaan diesel sebanyak **6.55 juta liter** dengan anggaran nilai rampasan sebanyak **RM13.70 juta**. Selain daripada diesel, KPDN turut menyita pelbagai barang rampasan lain yang digunakan untuk menjalankan aktiviti penyelewengan seperti lori, kapal, bot, kereta dan peralatan lain yang berjumlah **RM75.40 juta** yang menjadikan **jumlah rampasan keseluruhan sebanyak RM 89.10 juta**.

Penguatkuasaan dipintu masuk sempadan negara terutamanya di Perlis, Kedah, Kelantan dan Perak turut diperketatkan bersama agensi penguatkuasaan yang terlibat. Hasil penguatkuasaan mendapati modus operandi sindiket dikesan menggunakan kenderaan pendaftaran Malaysia dan asing bagi menjalankan aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi ke negara jiran melalui kaedah pembelian berulang. Agensi penguatkuasa sentiasa membuat pantauan dan menjejaki serta mengenal pasti pemilik kenderaan yang sering berulang alik menyeberangi sempadan negara serta mereka yang dipercayai terlibat di dalam aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi ke negara jiran.

Ketirisan dalam negara turut dikesan yang biasanya melibatkan permintaan daripada sektor perindustrian berikutan jurang harga yang jauh berbeza di antara diesel bersubsidi dan harga diesel tanpa subsidi di pasaran. Harga diesel bersubsidi yang dijual di stesen-stesen minyak di seluruh negara adalah pada harga RM2.15 seliter manakala harga diesel tanpa subsidi adalah bergantung kepada harga pasaran semasa yang dianggarkan melebihi RM3.50 seliter.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan tindakan yang sedang dibangunkan secara bersepadu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan keterjaminan penghasilan dan bekalan beras putih tempatan yang bermutu tinggi sebagai persiapan awal untuk menghadapi apa jua bentuk embargo komoditi daripada negara-negara pengeksport beras pada tahun-tahun mendatang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyedari bahawa terdapat keperluan untuk mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi memperkukuhkan keterjaminan penghasilan dan bekalan beras putih tempatan yang bermutu tinggi. Dalam perkara ini, KPKM mengalu-alukan cadangan daripada Kerajaan Negeri, antaranya:

- (i) Pertama : Kerajaan Negeri Johor yang mencadangkan peluasan kawasan penanaman padi melibatkan kawasan Semaloi dan Air Papan, Mersing ke dalam Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin;
- (ii) Kedua : Potensi Wilayah Sabah dan Sarawak untuk dijadikan sebagai jelapang padi kedua negara. Dalam hal ini, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sedang mengenal pasti pelan jangka panjang yang melibatkan kawasan seluas lima puluh ribu hektar (50,000 hektar) di Sabah dan Sarawak. Buat permulaan, pelaksanaannya dilaksanakan secara rintis bagi tujuan penanaman padi melibatkan kawasan di Beluran dan Kota Belud, Sabah dan di Batang Lupar, Sarawak;
- (iii) Ketiga : Pelaksanaan SMART SBB Ala Sekinchan di kawasan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Permatang Durian di Pekan seluas empat ribu seratus tiga puluh empat hektar (4,134 hektar). Pelaksanaan ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pahang dan syarikat swasta; dan

- (iv) Keempat : Pertambahan kawasan penanaman padi di Londah, Gemas yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Pemeriksaan peranan dan kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri, Jabatan dan Agensi ini dilihat mampu mengupayakan pesawah tempatan melalui khidmat pengembangan iaitu melalui aktiviti latihan kemahiran dan kursus-kursus bersesuaian. Ini bagi memastikan matlamat memodenkan subsektor padi dan beras khususnya serta meningkatkan infrastruktur pengairan dan saliran pertanian adalah tercapai. Dalam konteks penanaman padi Sabah dan Sarawak, penggunaan benih varieti moden dan musim penanaman dua (2) kali setahun juga menjadi salah satu pemangkin produktiviti dan hasil padi.

Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep, *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan

- a) usaha yang telah dilaksanakan bagi memperbaiki kadar pengangguran belia terutamanya di Wilayah Sabah; dan
- b) pendekatan holistik Kementerian dalam meningkatkan kebolehpasaran belia di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur belia di Sabah bagi tahun 2022 adalah seramai 106,800 orang berbanding 91,300 orang pada tahun 2021. Secara logik, sememangnya kadar pengangguran dalam kalangan belia lebih tinggi berbanding kadar pengangguran negara secara keseluruhan kerana ramai individu dalam golongan ini baru menamatkan pengajian dan dalam proses mencari pekerjaan.

2. Kerajaan secara berterusan merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi membantu mengurangkan kadar pengangguran di seluruh negara termasuk di Negeri Sabah.

3. Bagi merancakkan kebolehpasaran tenaga kerja di Sabah terutamanya golongan belia, Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia melaksanakan program-program TVET yang berkualiti tinggi dengan kerjasama industri melalui program **Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)** yang melibatkan modul yang menerapkan **70 peratus latihan di tempat kerja** dan **30 peratus di institusi latihan** bertujuan membolehkan industri mendapat tenaga kerja mahir yang lebih berkualiti dan kompetitif.

4. Selain itu, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia turut menawarkan kursus-kursus jangka pendek berbentuk modular dan dengan izin *customized* dengan pelaksanaan yang fleksible dan disokong dengan program *micro-credential* dengan izin bagi membolehkan pelatih mendapat pengiktirafan terhadap pencapaian yang diperolehi. Menerusi inisiatif ini, golongan belia berpeluang mendapatkan kemahiran terkini berkaitan pekerjaan berdasarkan set-set kemahiran spesifik yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa dan masa hadapan.

5. Bagi tahun 2024, berdasarkan pembentangan **Belanjawan 2024** yang diumumkan oleh YAB Menteri Kewangan pada 13 Oktober 2023 yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan **RM7.25 juta** menerusi PERKESO untuk menyediakan **Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan**.

6. Selanjutnya, Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad sentiasa menggalakkan tenaga kerja tempatan, perantis, pelatih termasuk belia untuk terus meningkatkan kemahiran menerusi pelaksanaan program latihan *upskilling* dan *reskilling*. Justeru itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menyediakan pembiayaan latihan melalui caruman levi majikan. Setakat **15 November 2023**, sebanyak **9,086 pelajar** telah dilatih melalui **Skim Latihan Industri** dengan izin, ***Industrial Training Scheme*** dengan **peruntukan** sebanyak **RM16.62 juta**.

7. Seterusnya, pembangunan Sumber Manusia Berhad juga turut melaksanakan Skim Latihan Bakal Pekerja atau dengan izin *Future Workers Training* bagi menggajikan dan melatih bakal pekerja tempatan dengan kemahiran yang diperlukan supaya dapat melaksanakan tugas

mereka dengan pengawasan minimum selepas latihan. Skim ini mensasarkan individu menganggur yang berumur 18 tahun ke atas dan majikan wajib mengambil bekerja selepas tamat latihan. Setakat **31 Oktober 2023**, seramai **484 orang pelatih** mengikuti skim ini dengan **peruntukan RM1.19 juta**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan yang dirancang bagi membantu pesawah padi yang terjejas akibat tanaman padi yang rosak kerana tercemar oleh air laut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini bantuan yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada pesawah yang terjejas akibat penyakit, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan ialah berbentuk Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP). TBTP merupakan *touch point* untuk membantu pesawah. Bantuan khusus TBTP ini akan disalurkan kepada pesawah dan pengusaha padi selepas proses penilaian berdasarkan pelbagai faktor seperti yang telah dinyatakan di atas.

Secara umumnya, kadar bantuan yang diberikan adalah antara RM876.00 sehektar hingga RM1,800 sehektar dan berbentuk one-off. Kategori bantuan TBTP adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan Kerugian Hasil Padi sebanyak RM1,800 per hektar bagi tanaman padi lebih daripada 70 hari;
- (ii) Bantuan Penanaman Semula Padi sebanyak RM 876 per hektar bagi tanaman padi kurang daripada 70 hari;
- (iii) Bantuan Bencana Kemarau sebanyak RM876 per hektar; dan
- (iv) Bantuan Input Tanaman Padi yang mana kadar bantuan tertakluk kepada penilaian oleh Jabatan Teknikal.

NO SOALAN: 15

Kadar bantuan adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan dengan keluasan maksimum sebanyak tiga (3) hektar sahaja. Bagi pesawah yang terjejas akibat pencemaran air laut ke dalam petak sawah, pesawah boleh membuat permohonan kepada Jabatan Pertanian Negeri masing-masing dan siasatan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal sebelum dikemukakan kepada pihak KPKM untuk kelulusan.

Dalam masa yang sama, KPKM melalui Agrobank sedang membangunkan skim takaful untuk sektor agromakanan dengan kadar pampasan yang lebih baik. Sebagai permulaan, subsektor tanaman diberi penumpuan melalui Skim Takaful Tanaman Padi. Skim ini menawarkan caruman pada kadar RM120 sehektar setahun dengan kadar pampasan sehingga RM3,000 sehektar semusim tanpa had keluasan hektar dan dijangka akan dilancarkan seawal bulan Mac 2024 tertakluk kepada kelulusan pihak berwajib.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW
LEAD
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada peruntukan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina atau Tamil berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) akan diinstitusikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah bawah KPM sama ada sekolah berstatus Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sekolah jenis kebangsaan (SJK) yang terdiri daripada sekolah kerajaan (SK) dan sekolah bantuan kerajaan (SBK) adalah di bawah KPM. SK merupakan institusi pendidikan yang ditubuh dan disenggara sepenuhnya oleh kerajaan. Manakala, SBK merupakan institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh pihak lain yang menjadi pemilik kepada tapak/bangunan sekolah. Dalam hal ini, Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahawa kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peruntukan kepada SK dan pada masa yang sama, kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada SBK.

Dalam hubungan ini, semua permohonan sumbangan bantuan SBK boleh dikemukakan oleh lembaga pengelola sekolah (LPS) kepada KPM melalui pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) untuk semakan teknikal serta pertimbangan dan kelulusan KPM. Sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada semua SBK akan disalurkan oleh KPM setelah kelulusan dan tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

NO SOALAN: 16

Penyaluran peruntukan penyelenggaraan ini adalah berdasarkan keperluan (*needs-based*) mengikut permohonan dan susunan keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha strategik yang dilakukan Kementerian dalam membantu meningkatkan upah pekerja mengikut negeri-negeri, terutamanya di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasar Survei Gaji dan Upah, Jabatan Perangkaan Malaysia, pertumbuhan penengah gaji dan upah bulanan pada tahun 2022 menunjukkan trend positif pada kadar 7.7% disumbangkan oleh pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 pada kadar RM1,500 sebulan.
2. Survei ini menunjukkan sepanjang tahun 2022, semua negeri menunjukkan peningkatan dalam gaji penengah bulanan. W.P. Putrajaya mencatatkan gaji penengah bulanan tertinggi sebanyak RM3,916, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan RM3,276, Selangor (RM3,194), W.P. Labuan (RM2,703) dan **Pulau Pinang** (RM2,507). Kelima-lima negeri ini **melebihi paras gaji penengah bulanan nasional** pada RM2,424.
3. Dapatan ini selari dengan kaji selidik Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES) 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia. Pendapatan bergaji rakyat didapati meningkat kepada 63 peratus disumbangkan oleh peningkatan dalam gaji minimum pada tahun 2022 kepada RM1,500.
4. Terdapat enam negeri mencapai pendapatan median melebihi paras nasional (RM6,338), iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM10,234), W.P. Putrajaya (RM10,056), Selangor (RM9,983), W.P. Labuan (RM6,904), Johor (RM6,879) dan **Pulau Pinang** (RM6,502).

5. Selain itu, Kementerian ini juga melaksanakan **Sistem Upah Yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS)**. Pelaksanaan PLWS pada masa kini melibatkan hampir 98,367 majikan merangkumi 6,039,587 juta orang pekerja dalam pelbagai peringkat pekerjaan termasuk pekerja separuh mahir. Jadual 1 disertakan berkaitan **Bilangan Majikan Yang Telah Melaksanakan PLWS Dan Bilangan Pekerja Yang Menikmati Faedah Pelaksanaan PLWS mengikut negeri**.

6. **Dasar Gaji Progresif** yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat merupakan pelengkap kepada Dasar Gaji Minimum dan PLWS. Dasar ini juga merupakan strategi untuk meningkatkan gaji pekerja untuk mencapai gaji penengah sebanyak RM2,700 sebagaimana disasarkan dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Sekian, terima kasih.

**JADUAL 1 : BILANGAN MAJIKAN YANG TELAH MELAKSANAKAN
PLWS DAN BILANGAN PEKERJA YANG MENIKMATI FAEDAH
PELAKSANAAN PLWS SEHINGGA 30.11.2023**

NEGERI	BILANGAN MAJIKAN YANG MELAKSANAKAN PLWS	BILANGAN PEKERJA
JOHOR	15,471	831,222
KEDAH/PERLIS	5,901	304,223
KELANTAN	2,845	112,410
MELAKA	5,046	276,315
NEGERI SEMBILAN	4,659	208,566
PAHANG	3,847	173,516
PULAU PINANG	10,398	600,466
PERAK	8,882	716,276
SABAH	7,568	360,828
SARAWAK	7,370	334,190
SELANGOR	9,873	935,802
TERENGGANU	3,655	124,378
WIL.PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	12,785	1,048,334
WIL.PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	67	13,061
JUMLAH	98,367	6,039,587

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina jalan persekutuan yang menghubungkan Bintulu dan Daerah Belaga sehingga ke Sempadan Malaysia / Indonesia di Pusat Pemeriksaan Sempadan Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tapak Megah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian ini telah mengangkat cadangan projek Menaiktaraf dan Pemulihan (Rehabilitation) Jalan Bakun (803) Dari Simpang Bakun (803/1) Ke Sempadan Jalan Empangan Bakun (803/9), Bahagian Bintulu Dan Kapit, Sarawak pada Rolling Plan 4 (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk pertimbangan dan kelulusan Agensi Pusat, namun ianya tidak mendapat kelulusan disebabkan komitmen Kementerian yang tinggi bagi projek - projek mega di Sarawak yang telah diluluskan.

Manakala bagi cadangan pembinaan Jalan Persekutuan Bakun hingga ke Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Tapak Megah, Kementerian ini tiada perancangan membina jalan tersebut melainkan ada persetujuan daripada pihak Kerajaan untuk membuka pintu masuk ke baharu di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Tapak Megah. Tumpuan Kementerian buat masa ini di dua (2) pintu masuk iaitu Membina Jalan Baharu Dari Kalabakan Ke Sempadan Malaysia-Indonesia (Simanggaris) (Kerja Awalan & Reka Bentuk Awalan) dan Menaik Taraf FR21 Jalan Serian-Tebedu-Sempadan Indonesia (Kerja Awalan Dan Reka Bentuk Awalan).

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini sekiranya dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri pada Rolling Plan yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan dalam penyeliaan dan penyelenggaraan bagi memastikan longkang, parit dan saluran tidak tersumbat kerana perkara ini sering mengakibatkan banjir kilat di kawasan Lembah Klang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kawasan Lembah Klang melibatkan tujuh (7) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Bagi kawasan Kuala Lumpur, DBKL telah menyelaraskan dengan pihak SWCorp selaku agensi yang bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau kerja-kerja pembersihan awam yang dilakukan oleh syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. termasuk pembersihan longkang-longkang awam di seluruh Kuala Lumpur. DBKL juga telah merancang, mengatur dan melaksanakan pelbagai usaha bagi menangani masalah banjir di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam menghadapi musim Monsun Timur Laut, kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan di Kuala Lumpur seperti kolam takungan banjir, sungai, parit induk dan longkang tepi jalan dipergiat sepanjang masa.

Bagi PBT di negeri Selangor yang tidak tertakluk di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), tanggungjawab pemantauan dan penyeliaan bagi penyelenggaraan perparitan adalah di bawah tanggungjawab PBT. Penyelenggaraan bagi PBT berkenaan dilaksanakan sama ada oleh PBT atau secara *outsource*. Pemantauan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan melalui pemeriksaan di tapak dan aduan awam.

NO SOALAN: 19

Selain daripada parit di bawah tanggungjawab PBT, terdapat juga parit di bawah tanggungjawab agensi lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan penyeliaan penyelenggaraan adalah di bawah agensi tersebut. Namun begitu, Kementerian sentiasa prihatin dengan masalah isu longkang, parit dan saluran yang tersumbat dan menyebabkan kejadian banjir kilat. Kementerian sentiasa memberi peringatan kepada PBT untuk memastikan sistem perparitan diselenggara mengikut jadual.

Di samping itu, orang awam juga perlu memainkan peranan agar tidak membuang sampah merata-rata yang akhirnya sampah tersebut masuk ke dalam sistem perparitan dan menyebabkan tersumbat. Kerjasama antara semua pihak amat diperlukan dalam memastikan sistem perparitan sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menaik taraf sekolah-sekolah daif di kawasanParlimen Penampang bagi memastikan para pelajar dapat belajar dalam keadaan yang selamat, selesa dan kondusif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa proaktif dan memberi keutamaan dalam usaha menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara termasuk di kawasan Penampang, Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM, sehingga 30 September 2023, terdapat sembilan (9) buah sekolah yang mempunyai bangunan daif berskala 6 dan 7 di Parlimen Penampang, Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebuah sekolah telah diluluskan pembinaan bangunan gantian dalam Rancangan Malaysia Ke-12 Rolling Plan 1 (RP1) iaitu Sekolah Kebangsaan Buit Hill. Status terkini bagi projek pembinaan sekolah tersebut adalah pada fasa pembinaan.

Selain itu, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah akan mengemukakan permohonan pembinaan bangunan gantian di Sekolah Kebangsaan Kibabaig dalam RMKe-13 setelah isu hakmilik tanah selesai.

Manakala, pemeriksaan lanjut oleh agensi teknikal akan dilaksanakan di tujuh (7) buah sekolah yang lain dalam kawasan Parlimen Penampang bagi menentukan sama ada syor penyelenggaraan atau pembangunan semula bangunan perlu dilaksanakan. Setelah pengesahan daripada agensi teknikal diperolehi, KPM melalui JPN Sabah akan meneliti keperluan kebolehlaksanaan pembinaan bangunan gantian di sekolah-sekolah tersebut. Antara aspek yang diteliti adalah keperluan

NO SOALAN: 20

sebenar, lebih baki tanah sekolah serta status hakmilik tanah sebelum dimohon secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat, keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah jenis-jenis kursus TVET yang diambil dan berapakah jumlah terkini pelajar Orang Asli yang mengikuti kursus di semua institusi TVET di bawah kelolaan Kementerian Sumber Manusia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia menjalankan program latihan sepenuh masa yang ditawarkan kepada warganegara Malaysia melalui Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang berfungsi sebagai penjana pekerja mahir dengan menawarkan latihan kemahiran pra-pekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah. Latihan kemahiran yang diberikan adalah komprehensif secara sepenuh masa dan juga separuh masa dengan komposisi latihan melibatkan 70 peratus amali dan 30 peratus teori.

2. Pada tahun 2023, jumlah pelajar orang asli yang telah menjalani latihan di ILJTM ialah seramai **14 orang pelajar**. Jadual 1 adalah maklumat mengenai bilangan pelajar orang asli yang mengikuti kursus di ILJTM pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

JADUAL 1 : BILANGAN PELAJAR ORANG ASLI YANG MENGIKUTI KURSUS DI ILJTM PADA TAHUN 2023			
INSTITUT	KURSUS	SEMESTER	BIL. PELAJAR
ILP Kuala Lumpur	Teknologi Elektrik	3	1
ILP Selandar	Teknologi Rekabentuk Produk Industri	1	1
ILP Pedas	Teknologi Fabrikasi Logam	1	1
ADTEC Shah Alam	Teknologi Elektrik Kuasa	7	2
ILP Ipoh	Teknologi Fabrikasi Logam	1	1
	Teknologi Fabrikasi Logam	4	1
	Teknologi Cadd Mekanikal	1	1
	Teknologi Penyejukbekuan & Penyaman Udara	4	3
	Teknologi Elektrik (3 Fasa)	1	1
	Teknologi Pembuatan (Perkakasan-Die)	Latihan Industri	1
ADTEC Kulim	Teknologi Perkakasan Die	4	1
JUMLAH KESELURUHAN			14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan masa pelaksanaan Pilihan raya Pihak Berkuasa Tempatan sepertimana yang telah dijanjikan di dalam Manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan Demokrasi Berparlimen dan Kerajaan Perpaduan pada hari ini sentiasa menghormati hak rakyat untuk mengundi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sejarah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PRKT) telah bermula pada tahun 1857 iaitu sejak 166 tahun yang dahulu. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya telah ditangguhkan pada tahun 1965 ekoran dari konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, dan semenjak itu ia tidak pernah diteruskan lagi.

Kerajaan mengambil maklum Laporan Suruhanjaya Diraja, *Report of the Royal Commission of Enquiry to Investigate into The Workings of Local Authorities in West Malaysia* yang diketuai oleh Senator Dato' Athi Nahappan pada tahun 1965 telah mengesyorkan bahawa:

- (i) “...that the present system of election on the basis of ward **should continue** to provide representation to local government as in the past.”; dan
- (ii) “...that voting in local government elections in the country **should continue** on the voluntary basis as has been hitherto.”

Pada masa ini, pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan dibuat berdasarkan Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Seksyen 10 ini memperuntukkan kriteria umum pelantikan ahli majlis di mana ahli majlis yang dilantik hendaklah sebilangan besar mereka terdiri daripada pemastautin di kawasan PBT tersebut, mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan, tokoh yang telah memperolehi kejayaan di dalam bidang profesional, perdagangan dan perindustrian, mempunyai kebolehan mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan PBT tersebut.

Untuk makluman, Kerajaan Perpaduan pada hari ini melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang memberi tumpuan kepada tujuh (7) bidang fokus utama iaitu:

- (i) membangun dan memperkasa peranan Kerajaan Tempatan;
- (ii) membangun potensi PBT bagi menjana sumber pendapatan tambahan negara;
- (iii) perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
- (iv) pemeriksaan komuniti tanpa mengira kaum;
- (v) pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efektif dan efisien bagi menghasilkan pelaksanaan ke arah ekonomi kitaran;
- (vi) memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu; dan
- (vii) memperkukuh kesiapsiagaan kebombaanan dan penyelamatan yang sejahtera.

NO SOALAN: 22

Bagi tahun 2023, KPKT memfokuskan perkhidmatan asas PBT diutamakan seperti jalan raya yang rata, tandas awam bersih bertaraf BMW iaitu bersih, menawan dan wangi, lampu yang terang serta longkang yang bersih sebagai misi utama untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Justeru, PRKT ketika waktu ini bukan satu perkara keutamaan pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan pelancong dari luar dan tempatan ke lokasi-lokasi tumpuan pelancong dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa pro-aktif dalam mempromosikan destinasi pelancongan dan meningkatkan sosio ekonomi negara. Pihak Kementerian melalui agensinya; Tourism Malaysia telah merangka strategi pemasaran melaksanakan pelbagai aktiviti promosi untuk meningkatkan kehadiran pelancong ke Malaysia.

2. Untuk makluman, Tourism Malaysia telah merangka pelan strategi dan pemasaran bagi tahun 2022 hingga 2026 bagi pemulihan yang mampan dan membina semula sektor pelancongan Malaysia pada tahun-tahun yang akan datang. Pelan pemasaran ini telah mengutamakan pemasaran kreatif dan digital, meningkatkan promosi campuran, beralih kepada promosi berasaskan emosi dan sentimen, beralih ke pasaran yang disesuaikan dan mengukuhkan kembali jenama.

3. Antara inisiatif aktiviti promosi yang telah, sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:
 - i. Kempen promosi pemasaran digital menerusi platform sosial media dan Online Travel Agent (OTA) seperti *Facebook, Instagram, Tiktok, Traveloka, klook.com, Expedia, Xiaohongshu (Little Red Book)* dan lain-lain yang berminat untuk membantu mempromosikan pelancongan dan kebudayaan;

ii. Penganjuran siri Program *Familiarisation trip* (lawatan suaikenal) pengamal media baharu/pempengaruh dan agensi pelancongan ke produk–produk pelancongan termasuk gastronomi, kraftangan, budaya dan warisan serta *instagrammable spot*. Program seperti ini dilihat dapat menonjolkan lagi keindahan dan keunikan destinasi yang terdapat di negeri ini sekaligus dapat memberi keyakinan kepada pelancong untuk terus mengeksplorasi Malaysia sebagai sebagai salah satu destinasi pilihan untuk dikunjungi;

iii. Mengadakan aktiviti pengiklanan dan promosi secara taktikal dengan menawarkan pakej-pakej istimewa dengan kerjasama para pengusaha pelancongan dan pengusaha hotel tempatan dengan syarikat-syarikat penerbangan dan agensi-agensi pelancongan tempatan dan asing;

iv. Menyertai program-program pelancongan di dalam dan luar negara untuk memberikan platform kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, agen-agen pelancongan, pihak hotel dan pemilik-pemilik produk untuk membuat promosi secara terus di pasaran yang terlibat;

v. Kerjasama pintar dengan syarikat-syarikat penerbangan tempatan dan asing untuk meningkatkan kekerapan kemudahsampaian ke seluruh Malaysia melalui program Geran Sepadanan Penerbangan Antarabangsa Charter.

vi. Menjalin hubungan yang baik dengan media tempatan dan media antarabangsa yang telah dikenalpasti dengan memberikan maklumat terkini berkaitan produk/program, kemudahan dan perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan di Malaysia

vii. Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta bagi merencanakan industri pelancongan Malaysia bagi meningkatkan minat para pelancong terhadap destinasi pelancongan di Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

4. Oleh yang demikian, MOTAC melalui Tourism Malaysia senantiasa mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti promosi bagi menarik minat daripada pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa untuk mengunjungi Malaysia sebagai destinasi pilihan utama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes gangguan seksual dalam kalangan orang yang dikenali di Malaysia dan bagaimanakah Kementerian menangani dan menyekat kes ini daripada menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aduan dan kes gangguan seksual pada masa ini ditangani menerusi dasar dan perundangan sedia ada mengambil kira Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*] masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya.

Berdasarkan data kes gangguan seksual yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), daripada 375 kes yang telah direkodkan daripada Januari sehingga September 2023, tiada kes yang melibatkan suspek dalam kalangan orang yang dikenali di Malaysia yang dilaporkan menerusi platform tersebut.

Namun begitu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap kes dan aduan gangguan seksual yang berlaku di negara ini tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

Dalam hal ini, KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengadakan Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Antigangguan Seksual di seluruh Malaysia yang bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman serta kesedaran masyarakat tentang betapa seriusnya isu yang melibatkan gangguan seksual serta kesan-kesannya terhadap mangsa dan pelaku.

NO SOALAN: 24

Advokasi mengenai kefahaman gangguan seksual ini juga sedang giat dilaksanakan menerusi platform media massa supaya ia selari dengan perkembangan teknologi masa kini. KPWKM turut bekerjasama dengan rakan-rakan media seperti akhbar, stesen radio dan stesen televisyen dalam menyebarkan maklumat mengenai gangguan seksual serta perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh KPWKM antara lainnya melibatkan pengoperasian Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) untuk membantu mangsa gangguan seksual.

KPWKM percaya pendedahan dan advokasi ini secara langsung dapat membantu ke arah memastikan tindakan menormalisasi perilaku yang mempunyai unsur-unsur gangguan seksual tidak lagi berlaku dalam kalangan masyarakat. Ia juga boleh menyumbang untuk menyediakan persekitaran yang selamat bagi meningkatkan pengupayaan rakyat dalam ekonomi dan sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah isi rumah Orang Asli yang berada di bawah garis kemiskinan negara dan berapa ramai pula yang berada dalam kategori miskin tegar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional yang diguna pakai pada ketika ini adalah berdasarkan kepada metodologi PGK tahun 2019 iaitu RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah bagi kategori miskin, manakala RM1,169 bagi isi rumah kategori miskin tegar. Pada ketika ini, 17.71% peratus atau sekitar 10,891 Isi Rumah masyarakat Orang Asli berada di bawah kategori miskin dan sebanyak 44,220 Isi Rumah (71.96% peratus) berada di bawah kategori miskin tegar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang akan atau telah dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import barang mentah yang diperlukan bagi sektor pertanian dan penternakan.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk mempergiatkan usaha bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import barang mentah, khususnya input yang diperlukan bagi sektor pertanian dan penternakan.

KPKM melalui jabatan dan agensi giat melaksanakan pelbagai usaha bagi mengurangkan kebergantungan import input pertanian dan penternakan berdasarkan strategi yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) **meningkatkan pengeluaran domestik subsektor utama tanaman** iaitu padi dan beras, ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran serta perikanan dan akuakultur melalui;
 - (a) Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) menerusi Model Mini Sekinchan dan melaksanakan projek rintis penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun;
 - (b) Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran rendah SSR seperti cili, kubis dan halia; dan

- (c) pewujudan enam (6) TKPM baharu dan pembangunan tanah-tanah terbiar milik agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam usaha memperluaskan kawasan pengeluaran makanan negara;
 - (d) memperkasa penternakan lembu pedaging melalui program pembiakbakaan untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030;
 - (e) melaksanakan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara bagi meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan bagi mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 100% pada 2030;
 - (f) memperkasa pengeluaran ikan makanan melalui industri akuakultur yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40;
- (ii) **mempertingkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I)**, antaranya penyelidikan pembangunan varieti tanaman dan buah-buahan yang tahan penyakit dan cuaca melampau serta kajian pembangunan baka ternakan dan akuakultur yang mempunyai daya tahan kepada perubahan iklim;
- (iii) mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian melalui **pemeriksaan industri benih tempatan melalui pewujudan hub benih** seperti berikut:

- (a) bagi subsektor tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, pemberian **insentif galakan** kepada para petani menerusi pelaksanaan program turut dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran benih yang berkualiti dari dalam negara bagi menampung kos pengeluaran berikutan kenaikan harga input pertanian seperti benih tanaman, racun rumpai dan baja; dan
 - (b) bagi subsektor ternakan, memperkasakan Pelan Pembangunan Baka melalui *Nucleus Breeding Centre* (NBC) untuk mengeluarkan baka yang berkualiti;
- (iv) **melaksanakan stok penimbal (stokpail) bekalan makanan terpilih** seperti berikut:
- (a) status semasa **stok beras negara** sehingga 14 November 2023 adalah sebanyak 902,613 tan metrik meliputi 250,000 tan metrik stokpail Kerajaan dan 652,613 tan metrik stok dagangan. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat (4) hingga lima (5) bulan; dan
 - (b) mewujudkan **stokpail ayam** sebanyak 4,536 tan metrik untuk menstabilkan bekalan ayam di pasaran oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).
- (v) **melaksanakan projek kelestarian pertanian di bandar** di bawah Program Pertanian Bandar atau Program Pembangunan Pertanian Komuniti (PPPK) untuk menggalakkan komuniti bandar dan pinggir

bandar menggunakan ruang-ruang yang ada dan terhad untuk bercucuk tanam membantu mengurangkan kos sara hidup melalui aktiviti pertanian; dan

- (vi) **mengoptimumkan kehilangan lepas tuai padi** bernilai RM293 juta atau 244.2 ribu tan metrik menerusi pelaksanaan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, penambahbaikan SOP dan peraturan sedia ada agar seiring dengan keperluan teknologi terkini;
- (vii) **menaiktaraf infrastruktur iaitu sistem pengairan sedia ada kepada teknologi pengairan pintar** menggunakan *Internet of Things* (IoT), membangunkan sistem pertanian dalam persekitaran terkawal serta perolehan jentera, mesin dan aplikasi pertanian pintar. Untuk tujuan ini, Jabatan Pertanian (DOA) diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta yang melibatkan tujuh (7) projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12; dan
- (viii) **melaksanakan projek *Precision Agriculture* yang merupakan konsep pertanian moden** yang membolehkan petani mengawal aktiviti seperti **pembajaan, pengairan dan makhluk perosak** melalui penggunaan kombinasi teknologi seperti Sistem Kedudukan Global (GPS), sensor, dron, kecerdasan buatan (AI) dan robotik.

Selain daripada itu, beberapa inisiatif dan program dilaksanakan bagi menyokong teras strategik DAN 2.0 pembangunan bakat dan pembiayaan, antaranya seperti berikut:

- (i) **menyediakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian** melalui program latihan seperti Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dan kursus-kursus jangka pendek seperti Kursus *Upskilling* dan *Reskilling*; dan
- (ii) **menawarkan kemudahan pembiayaan dan geran** untuk membantu usahawan tanaman oleh pihak Agrobank. Sebanyak RM200 juta penyaluran peruntukan oleh Agrobank bagi program kemudahan pembiayaan meliputi keseluruhan teknologi pertanian (agroteknologi);
- (iii) **melaksanakan perolehan jentera menerusi Program Mekanisasi dan Automasi** yang diluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta untuk pembelian jentera bagi memberikan perkhidmatan pengembangan kepada golongan sasaran;
- (iv) **menyediakan program geran padanan** menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) iaitu program Ladang e-Satelit dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Program ini berbentuk geran padanan dengan nisbah 70:30 dan had maksimum daripada Kerajaan berjumlah RM30,000 bagi setiap permohonan untuk pertubuhan peladang dan usahawan menggunakan sistem aplikasi pertanian pintar serta dron dan pembangunan infrastruktur seperti jalan ladang; dan

- (v) **melancarkan Program Pembangunan Sayuran** di bawah RMKe-12 yang dilaksanakan oleh DOA. Program ini menawarkan geran padanan bagi membolehkan petani mendapatkan teknologi pertanian vertikal dan persekitaran terkawal dengan nilai maksimum RM200,000 bagi syarikat tempatan pada nisbah 40:60 (Kerajaan: Syarikat). Selain itu, program ini juga menawarkan geran padanan untuk skop mekanisasi, automasi, dan teknologi pintar pada nilai maksimum RM50,000 dengan nisbah 50:50 (Kerajaan:Usahawan).

Selain inisiatif di bawah KPKM, terdapat juga inisiatif di bawah agensi lain yang dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, antaranya:

- (i) **Skim Pembiayaan Agromakanan** sebanyak **RM1 bilion** di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu pengusaha agromakanan meningkatkan produktiviti pengeluaran;
- (ii) **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)** di bawah Kementerian Ekonomi sebanyak **RM750 juta** yang memberikan tumpuan kepada aktiviti ekonomi komuniti setempat terutamanya pertanian dan agromakanan. Program ini melaksanakan tiga model usahawan, iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN);

- (iii) **Program Digital AgTech** sebanyak **RM10 juta** di bawah **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** untuk meningkatkan adaptasi teknologi dan automasi dalam kalangan peladang; dan

- (iv) **Program Kebun Komuniti** sebanyak **RM10 juta** di setiap Parlimen bagi menyokong agenda keterjaminan makanan.

Kementerian yakin pelbagai usaha yang giat dijalankan mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import barang mentah bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan faktor-faktor yang boleh mendorong pasaran buruh ditawarkan gaji yang tinggi serta setakat mana cerminan pasaran buruh bertambah baik walaupun dilihat penempatan pekerjaan tidak menampakkan sebarang peningkatan sekali gus menggambarkan lebih ramai pencari kerja sedang menganggur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam konteks ini, terdapat pelbagai faktor yang boleh mendorong peningkatan gaji melibatkan interaksi dinamik komponen dalam pasaran buruh seperti yang dinyatakan.
2. Pada peringkat makro, peningkatan kapasiti modal insan negara melalui **pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti** merupakan komponen penting mendorong peningkatan gaji. Peningkatan kemahiran pekerja melalui program **pembangunan kemahiran** (*upskilling, reskilling* dan sebagainya) secara langsung berhubung kait dengan pertumbuhan gaji yang tinggi. Sehubungan itu, sebarang usaha dari institusi pendidikan, pekerja dan majikan dalam meningkatkan kemahiran dapat mendorong kepada peningkatan gaji yang lebih baik.
3. Dari perspektif permintaan tenaga kerja pula, **pertumbuhan ekonomi dan industri yang rancak** merupakan pemangkin penting peningkatan gaji melalui pewujudan peluang pekerjaan baharu dalam pasaran. Sebarang strategi dan dasar industri seperti *New Industrial Master Plan* (NIMP) yang turut menyasarkan peningkatan gaji dapat menyumbang kepada hasrat ini. NIMP menetapkan gaji penengah (*median wage*) sektor pembuatan daripada RM1,976 (2021) kepada sasaran RM4,510 (2030) dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dari kadar purata nasional sebanyak 9.6 peratus setahun.

4. Di samping itu, **peningkatan produktiviti** juga merupakan salah satu faktor penting dalam pertumbuhan gaji. Apabila pekerja produktif majikan dapat membayar gaji yang lebih tinggi. Sehubungan itu, pelaburan dalam bentuk teknologi dan automasi, inovasi proses serta latihan kemahiran pekerja boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melaksanakan beberapa model gaji seperti Sistem Upah Yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) dan Dasar Gaji Progresif yang baru dibentangkan mempunyai perkaitan yang jelas dengan produktiviti. Walau bagaimanapun, satu anjakan paradigma diperlukan dalam melihat inisiatif peningkatan produktiviti ini secara lebih seimbang dengan menekankan peranan majikan dan tidak hanya dibebankan kepada peranan pekerja semata-mata.

5. Dari aspek perundangan perburuhan, **perjanjian kolektif dan penyertaan dalam kesatuan sekerja** (*unionisation*) juga merupakan elemen yang dapat meningkatkan kadar gaji yang lebih tinggi. Kesatuan sekerja yang kukuh dan perjanjian perundingan kolektif boleh memainkan peranan dalam merundingkan gaji yang lebih tinggi untuk pekerja. Kesatuan boleh menyokong persekitaran kerja dan pampasan yang lebih baik kepada ahli mereka. Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil inisiatif membuat pindaan Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2023 yang telah diluluskan di Dewan Negara pada 28 November 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha dalam mengangkat Program Agroprenuer Muda dan berapakah peruntukan terkini Kerajaan dalam bentuk geran mudah serta adakah Kerajaan akan mengaktifkan kembali Majlis Agropreneur Muda sebagai badan pemantau dan konsultasi bagi memastikan keberkesanan program.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Program Agropreneur Muda telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta dan siling bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM20 juta. Skop geran yang diberikan adalah dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 setiap penerima, yang mana Kementerian telah menetapkan sasaran seramai 750 orang setahun dengan peruntukan sebanyak RM15 juta. Selain itu, program ini juga menawarkan latihan dan kursus dalam pelbagai sektor pertanian yang diberikan secara percuma.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini, Jawatankuasa Induk Program Agropreneur Muda di bawah Kementerian merupakan satu jawatankuasa yang bertindak untuk meneliti dan mempertimbangkan permohonan Geran Agropreneur Muda mengikut prosedur yang ditetapkan. Jawatankuasa ini juga turut membincangkan isu dan cadangan-cadangan penambahbaikan Program Agropreneur Muda dari semasa ke semasa. Kementerian berpandangan pada ketika ini tiada keperluan untuk mengaktifkan kembali Majlis Agropreneur Muda memandangkan fungsinya juga telah terkandung dalam Jawatankuasa Induk Program Agropreneur Muda.

Selain itu, Kementerian juga sering mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh untuk memperkasakan lagi Program Agropreneur Muda. Bagi tujuan tersebut, dalam memastikan golongan muda mendapat maklumat dan pendedahan mengenai Program Agropreneur Muda

(PAM), pelbagai aktiviti promosi dijalankan seperti program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth yang telah diadakan di Pasir Gudang, Johor pada 2-4 Disember 2022, Shah Alam, Selangor pada 3-5 Februari 2023 dan negeri Pulau Pinang pada 25-26 Februari 2023. Promosi PAM turut diadakan di bawah segmen Agro Millenia khusus untuk golongan muda semasa Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2023 (HPPNK 2023) yang diadakan pada 10-12 November 2023 di negeri Perak. Terkini, Kementerian telah menganjurkan Konvensyen Program Agropreneur Muda yang telah diadakan pada 28 November 2023 dan dihadiri oleh seramai 110 orang agropreneur muda serta pegawai agensi-agensinya pelaksana. Kementerian.

Kementerian akan terus komited untuk memperkukuhkan lagi Program Agropreneur Muda dari semasa ke semasa dalam usaha membantu para belia yang berbakat dan berpotensi untuk bergelar agropreneur muda dan seterusnya menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini penubuhan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji isu harmonisasi bidang kuasa Mahkamah Sivil-Syariah serta kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam menggubal serta meminda Undang-undang Syariah Negeri.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM

BIN HAJI MOKHTAR

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menjunjung titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada 28 Ogos 2023 yang lalu berkenaan penubuhan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji isu berkaitan dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang Islam.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kesemua nama anggota bagi Jawatankuasa Khas ini telah dimuktamadkan dan pelantikan telah pun dibuat.
3. Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh:
 - i. mantan Ketua Hakim Negara sebagai Pengerusi;
 - ii. mantan-mantan Hakim;
 - iii. wakil-wakil daripada Jabatan Peguam Negara;
 - iv. wakil daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia;
 - v. wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri;
 - vi. ahli-ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang sivil, syariah dan Perlembagaan Persekutuan; dan
 - vii. peguam-peguam syarie dan sivil yang berpengalaman luas.

4. Jawatankuasa Khas ini **telah bersidang** untuk kali pertama pada **5 Disember 2023** bagi menetapkan hala tuju dalam pelaksanaan kajian dan penyelidikan seterusnya mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada masalah perundangan Islam di Malaysia.
5. Kerajaan akan mempertimbangkan apa-apa cadangan, termasuklah untuk meminda Perlembagaan Persekutuan selepas menerima dapatan kajian dan syor-syor yang akan dibuat oleh Jawatankuasa ini.
6. Ini merupakan salah satu usaha dan komitmen Kerajaan untuk menyelesaikan isu konflik bidang kuasa antara Persekutuan dengan negeri dan antara mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah demi memartabatkan dan memperkasa perundangan syariah dan sistem kehakiman Syariah di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan dan tindakan Kerajaan untuk memastikan kejadian gangguan bekalan beras di pasaran tidak akan berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan yang berlaku dalam industri beras global sejak kebelakangan ini telah memberikan kesan langsung kepada negara yang bergantung kepada sumber import seperti Malaysia. Bagi memastikan bekalan beras mencukupi di pasaran, pengeluaran beras tempatan perlu ditingkat supaya negara mencapai Kadar Sara Diri (SSR) beras sebanyak 80 peratus menjelang tahun 2030.

Oleh yang demikian, Kementerian melaksanakan langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) Program SMART SBB Model Ala Sekinchan

Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar.

(iii) Pemerksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui kerjasama awam-swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

(iv) Kerjasama Penyelidikan

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

NO SOALAN: 30

Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep, *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN ; LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah faktor-faktor utama Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dimansuhkan dan adakah keputusan itu muktamad dan tidak akan dikaji semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi tumpuan kepada perkembangan potensi murid secara bersepadu dan menyeluruh

ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Seiring dengan hasrat KPM untuk melestarikan pendidikan daripada pembelajaran berorientasikan peperiksaan kepada pembelajaran berasaskan potensi dan perkembangan murid disokong pentaksiran, KPM telah memansuhkan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021. Pemansuhan ini juga berupaya mengurangkan penekanan kepada peperiksaan dan pentaksiran secara berpusat.

Susulan pemansuhan tersebut, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik. PBS merupakan proses ansur maju yang menumpukan perkembangan murid secara holistik serta membolehkan guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

NO SOALAN: 31

Melalui PBS juga, perkembangan murid dalam aspek sukan, kokurikulum, nilai murni, minat dan kecenderungan serta pembentukan sahsiah diperkukuh. Hal ini selari dengan teras KPM yang mengutamakan pendidikan manusiawi dan karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan modal insan yang berketrampilan tinggi serta mampu membawa manfaat besar kepada kemajuan negara pada masa depan.

KPM yakin pelaksanaan PBS dapat memenuhi hasrat FPK dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, dalam membangunkan potensi murid secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan semasa melalui pentaksiran yang holistik. Oleh itu, KPM tiada perancangan untuk memperkenalkan semula UPSR atau mewujudkan peperiksaan yang selaras dengannya pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS AL
A. ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mekanisme pemantauan yang akan dilaksanakan bagi memantau tahap kemajuan bagi 5 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) baharu yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan dan bagaimanakah mekanisme tersebut boleh memastikan masalah kelewatan dan penambahan kos luar jangka tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau tahap kemajuan projek-projek yang sedang dilaksanakan mengikut garis panduan / Arahan Perbendaharaan / *Standard Operating Procedure (SOP)* sedia ada yang diguna pakai dalam setiap projek pembangunan.
2. JPS mengamalkan pemantauan kemajuan projek melalui Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Teknikal yang diadakan secara berkala. Tujuan utama adalah untuk mengawasi kemungkinan kelewatan pelaksanaan yang mungkin timbul dari pihak kontraktor atau perkara-perkara lain yang diluar jangka seperti bencana dan sebagainya. Pemantauan ini dilakukan secara teliti oleh Pegawai Penguasa dengan cermat bagi memantau keseluruhan pelaksanaan projek mengikut jadual yang telah dirancang.
3. Dengan menjadikan pemantauan sebagai aspek utama dalam pengurusan projek, Kerajaan berupaya mengenalpasti masalah dan menangani isu-isu yang mungkin timbul dengan lebih cekap, menjadikan setiap projek pembangunan bergerak ke arah pencapaian matlamat tanpa mengabaikan cabaran yang mungkin timbul.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.
IBRAHIM
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan agensi yang baharu kepada industri pertanian kelapa memandangkan sebelum ini ada usaha dari Kementerian untuk mempertimbangkan industri pertanian kelapa sebagai hasil komoditi di bawah penyelarasan Lembaga Koko Malaysia (LKM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 pada 25 Oktober 2023 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 November 2023 telah bersetuju secara prinsip dengan cadangan hasrat penubuhan Lembaga Perindustrian Nanas, Kelapa dan Durian Malaysia (LPKNM). Kementerian ini sedang mengambil tindakan seperti yang digariskan dalam Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2021 – Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan bagi mewujudkan sistem peraturan yang berkesan, cekap serta proses pengubalan peraturan yang menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA ; YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
BIN NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah jurang digital antara usahawan desa dan usahawan bandar dengan pelaksanaan program pendigitalan usahawan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana umum mengetahui, usahawan desa menghadapi pelbagai kekangan termasuklah kemudahan internet di luar bandar jika dibandingkan dengan usahawan di bandar. Keperluan capaian internet amat penting dalam aspek pendigitalan sesebuah perniagaan. Justeru, antara aspek yang mewujudkan jurang digital antara usahawan desa dan usahawan bandar yang dikenalpasti oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut:

i. Pengurusan Pengoperasian Perniagaan

Jurang digital dari segi pendigitalan urusan antara pembeli dan usahawan menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai seperti penggunaan *e-wallet*, kad debit/kredit, dan lain-lain serta penggunaan gerbang pembayaran (*payment gateway*) bagi melengkapkan sesuatu urusan tersebut. Di samping itu, usahawan desa didedahkan dengan sistem *Point of Sales* atau POS di mana setiap transaksi perniagaan direkodkan secara teratur menggunakan sistem.

ii. Pengurusan Kewangan

Jurang pendigitalan dari aspek pengurusan kewangan pula, melalui sistem POS tersebut, rekod transaksi perniagaan boleh diuruskan, dianalisis dan seterusnya dikeluarkan statistik jualan malah sehingga penyediaan rekod untung dan rugi serta kunci kira-kira.

iii. **Pengurusan Pemasaran dan Promosi Produk**

Jurang digital dari segi pemasaran dan promosi produk di mana usahawan desa berupaya memasarkan produk mereka di pelbagai platform e-dagang dan membuat promosi bagi meningkatkan hasil jualan melalui pelbagai platform media sosial yang ada sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA
TARIKH : 13 DISEMBER 2023**

DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fokus penjajaran semula pulangan dividen, pelaburan pendeposit Tabung Haji (*TH*), pelaburan ekuiti, operasi perladangan dan pelaburan patuh syariah, hartanah dan pengurusan rosot nilai agar risiko pelaburan dan operasi dapat diminimumkan pada tahun 2024.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kelestarian dan kemampunan Tabung Haji adalah menjadi keutamaan institusi haji negara dan ia merupakan objektif utama Pelan Transformasi Strategik 2022-2024 iaitu pelan tiga tahun yang dinamakan HIJRAH24.
2. Pelan HIJRAH24 yang dilancarkan pada April 2022 bertujuan untuk meneruskan usaha pengukuhan **TH** selaras dengan mandat penubuhannya untuk menguruskan simpanan umat Islam yang mahu menunaikan ibadah haji.
3. HIJRAH24 mengandungi 24 inisiatif yang akan dilaksanakan secara bersama oleh warga **TH** sepanjang tiga (3) tahun bermula tahun 2022 sehingga tahun 2024 berdasarkan lima (5) teras utama iaitu:
 - i. Pengurusan haji yang cemerlang.
 - ii. Menjana pulangan dan lebihan aset yang berpatutan dan mampan.
 - iii. Meningkatkan simpanan yang stabil melalui perkhidmatan yang baik, beramanah dan mesra pelanggan.
 - iv. Memupuk dan membangunkan modal insan terbaik (*Best in-Class*).

- v. Menerapkan prinsip Maqasid Syariah sebagai objektif utama melalui tadbir urus yang baik.
4. Alhamdulillah, hasil usaha keras semua warganya, kedudukan kewangan **TH** terus kekal kukuh. Bagi tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2020, **TH** telah mengumumkan kadar agihan keuntungan melebihi kadar simpanan 12 bulan perbankan Islam dan keuntungan tersebut diagihkan setelah zakat dilunaskan bagi pihak pendeposit.
5. Saiz deposit juga telah meningkat kepada hampir RM89 billion pada 31 Oktober 2023 dari RM74 billion pada akhir tahun 2018, mencerminkan keyakinan tinggi masyarakat terhadap institusi haji negara.
6. Selari dengan mandat penubuhannya, **TH** komited untuk memastikan dana pendeposit kekal selamat dan dilindungi dalam jangka masa yang panjang. **TH** akan berusaha untuk menjana pulangan yang stabil dan mampan sejajar dengan selera risiko pelaburannya.
7. Usaha ini perlu dilakukan dengan berhemah kerana keadaan persekitaran ekonomi dunia yang semakin mencabar dan tidak menentu. **TH** akan meneruskan pendekatan pelaburan yang mampan dengan pengurusan kecairan dan risiko yang efektif, berpandukan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) yang menjadi paksi pelaburan dalam usaha meminimumkan kesan ketidaktentuan pasaran kini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN
YUSOF
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang dilakukan Agrobank untuk mendekati secara lebih mesra pengusaha pertanian berteknologi tinggi yang keluar daripada pertanian konvensional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah merangka Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang menggariskan strategi jangka panjang sektor agromakanan serta memberi tumpuan kepada agenda pemodenan menerusi Teras 1: Mendukung Pemodenan dan Pertanian Pintar. Bagi mendekati pengusaha pertanian berteknologi tinggi yang keluar daripada pertanian konvensional, KPKM melalui Agrobank telah mengambil beberapa langkah antaranya:

- 1) mempromosikan produk perbankan dan mengadakan taklimat di program pameran teknologi antaranya seperti berikut:
 - a) persidangan SCxSC GROW *Fintech* oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 31 Mei 2023 di Kuala Lumpur;
 - b) *Smart Nation Expo* oleh MyDigital Corporation pada 19 hingga 21 September 2023 di MITEC, Kuala Lumpur; dan
 - c) *Malaysian International Agriculture Technology Exhibition* pada 23 September 2023 di Setia Alam, Selangor;
 - d) Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) yang diadakan di Ipoh, Perak pada 9 hingga 12 November 2023; dan
 - e) Program Sambutan Setahun Kerajaan MADANI di Kompleks Sukan Bukit Jalil pada 8 hingga 10 Disember 2023.

- 2) menjalin kolaborasi dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melalui pembiayaan berjumlah RM30 juta bagi usahawan untuk menggunakan teknologi pertanian digital;
- 3) mengadakan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia menerusi Program Pensijilan Pertanian Agrobank-UPM untuk meningkatkan kemahiran teknikal dalam bidang pertanian di kalangan pegawai bank;
- 4) menawarkan program latihan berkaitan pertanian termasuk teknologi moden kepada pelanggan melalui *Agrobank Centre of Excellence* (ACE); dan
- 5) menyediakan kemudahan pembiayaan menerusi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan dengan peruntukan RM60 juta daripada Kerajaan. Kemudahan pembiayaan untuk teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) seperti *Internet of Things* (IoT) dan kepintaran buatan ini adalah sehingga RM1,000,000 dengan kadar faedah 3.5% setahun dan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 10 tahun.

KPKM melalui Agrobank terus komited untuk menyokong pengusaha dalam peralihan daripada pertanian konvensional kepada pertanian berteknologi tinggi selaras dengan agenda pemodenan sektor agromakanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya lebih ramai graduan mampu memperoleh gaji premium melebihi RM4,000 sebulan berbanding hanya 10 hingga 15 peratus yang berjaya mendapat gaji tersebut buat masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan pada tahun 2020, **hanya 42 peratus (%) pelajar dan program TVET yang terdapat di negara kita dikendalikan dan berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).**
2. Oleh yang demikian, sebagai penjelasan, segala maklumat mengenai kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang saya nyatakan di sini hanya merangkumi kepada pengajian TVET di institusi-institusi di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
3. Pecahan graduan TVET di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah seperti berikut:
 - i. **Graduan Universiti Teknikal Malaysia atau *Malaysian Technical University Network* – MTUN** yang terdiri daripada rangkaian universiti awam seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); serta
 - ii. **Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.**

4. KPT telah memberikan komitmen untuk memberi perhatian kepada indikator gaji premium bagi menangani isu *underemployment* dalam kalangan graduan secara keseluruhan.
5. Berdasarkan data rasmi daripada Kajian Pengesanan Graduan tahun 2022, setakat ini, peratusan graduan TVET yang telah menerima gaji premium, iaitu RM4,001 ke atas sebulan adalah seperti berikut:
 - i. Bagi graduan lepasan MTUN peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas, sebanyak 12.5 peratus daripada mereka telah menerima gaji premium; dan
 - ii. Bagi graduan lepasan Politeknik dan Kolej Komuniti peringkat diploma, mereka yang sudah menerima gaji premium adalah sebanyak 1.96 peratus.
6. Kementerian akui bahawa peratusan graduan TVET yang menerima gaji premium semasa Kajian Pengesanan Graduan dilaksanakan ini masih rendah.
7. Oleh yang demikian, pelbagai usaha yang telah dan bakal dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan lebih ramai graduan berupaya menerima gaji premium.
8. Kementerian mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama bersama industri dalam memastikan institusi dan graduan TVET selari dengan keperluan dan perkembangan industri.

9. Kerjasama ini merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat terhadap kandungan pengajian dan latihan, penyediaan tempat bagi latihan industri serta pengimplementasian pendekatan *Work Based Learning* iaitu proses pembelajaran secara langsung dalam industri.

10. Kerjasama ini diterjemahkan melalui pelaksanaan program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, Industry on Campus (IOC), Industry Education Centre, Industry@University, Structured Internship Programme (SIP), Program Inkubator Penyelidikan dan Serap Industri KPT dan lain-lain lagi. Program-program ini adalah bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran praktikal dan set kemahiran yang mendapat permintaan tinggi industri.

11. Selain itu, kerjasama merentas kementerian serta agensi juga dimantapkan lagi menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU). Baru-baru ini Kementerian telah menandatangani MoU bersama pihak SIRIM bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum dengan tujuan menjadikan penawaran pendidikan lebih relevan dan terkini bersesuaian dengan keperluan industri agar kebolehpasaran graduan dan penerimaan gaji premium dapat ditingkatkan.

12. Pemerkasaan hubungan dan kerjasama institusi TVET di bawah KPT akan terus dipertingkatkan selaras dengan pembentangan belanjawan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023 yang lalu dengan RM100 juta diperuntuk bagi pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk menambah bilangan anggota Senator mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) berdasarkan Perkara 45(4)(a) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan penambahan bilangan anggota Senator mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Perkara 45(4)(a) dibaca bersama sehingga (c) Perlembagaan Persekutuan di mana Parlimen boleh melalui undang-undang:

- i. menambah bilangan ahli yang akan dipilih bagi setiap Negeri menjadi tiga;
- ii. memperuntukkan bahawa ahli yang akan dipilih bagi setiap Negeri dipilih sedemikian melalui undi terus oleh pemilih-pemilih Negeri itu; dan
- iii. mengurangkan bilangan ahli dilantik atau menghapuskan ahli dilantik.

2. Setakat ini, peruntukan sedia ada masih terpakai dan penelitian lebih lanjut diperlukan sebelum sebarang keputusan dibuat berkenaan dengan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk menstabilkan nilai mata wang Ringgit Malaysia memandangkan ketidakstabilan nilai mata wang ini memberi kesan langsung kepada sektor import dan eksport negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, permintaan terhadap ringgit akan dipengaruhi oleh faktor-faktor global. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran di samping mengurangkan impak terhadap aktiviti ekonomi domestik. Pemulihan kestabilan pasaran dunia, penambahbaikan sentimen pelabur dan lebih penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi oleh kegiatan teras ekonomi negara dijangka akan dapat memperkukuh nilai ringgit.

Usaha Kerajaan akan tertumpu kepada pelaksanaan polisi-polisi struktural yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing yang akan menyokong pengukuhan nilai ringgit. Langkah ini termasuk usaha Kerajaan dalam mentransformasi ekonomi negara yang dipandu oleh Kerangka Ekonomi MADANI. Selain faktor pemulihan kestabilan pasaran dunia, pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy*, NIP) untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara serta komitmen Kerajaan terhadap pengukuhan kemampuan fiskal menerusi pembentangan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dijangka menambah baik sentimen pelabur seterusnya memperkukuh nilai ringgit.

NO SOALAN: 39

Sebagai negara pengeksport, penyusutan nilai ringgit boleh menyumbang kesan positif kepada prestasi eksport. Hal ini sedikit sebanyak menjadi penampan bagi pendapatan sektor berorientasikan eksport yang terjejas akibat kelemahan permintaan global dan penurunan harga komoditi.

Namun demikian, Kerajaan peka bahawa pergerakan ringgit akan mempunyai kesan terutamanya ke atas harga barangan import. Impak daripada pergerakan ringgit ini agak ketara bagi segmen yang mempunyai kebergantungan import yang tinggi seperti barangan makanan dan pengangkutan dengan anggaran sebanyak 7 peratus dan 5 peratus kandungan import dalam penggunaan isi rumah.

Walau bagaimanapun, sebagai bank pusat yang bertanggungjawab terhadap kestabilan pasaran kewangan dan mata wang, Bank Negara Malaysia akan terus menguruskan risiko daripada perkembangan domestik dan luaran bagi menangani volatiliti dalam pasaran pertukaran asing serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian dalam memupuk minat serta kemahiran keusahawanan di peringkat universiti dengan tujuan untuk memastikan perkembangan teknologi dan inovasi tempatan yang dimiliki rakyat dan syarikat Malaysia. Bolehkah Kerajaan meneliti untuk mengadakan kerjasama bersama-sama syarikat swasta dalam menjayakan usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam memperkasakan agenda keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi selaras dengan hasrat yang digariskan di dalam Lonjakan 1 – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) dalam melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Usaha ini adalah untuk memastikan graduan IPT tidak hanya sebagai pencari kerja tetapi berupaya menjadi pencipta kerja. Antara usaha yang dilaksanakan Kementerian adalah:
 - i. Penubuhan pusat keusahawanan di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai penggerak kepada inisiatif-inisiatif keusahawanan di peringkat IPT sejak tahun 2010. Pusat keusahawanan ini berperanan dalam merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan pendidikan keusahawanan, program dan aktiviti keusahawanan di IPT.
 - ii. Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) yang bertindak sebagai *guiding principle* dalam usaha membentuk dan memperkasa ekosistem keusahawanan di IPT. PTK IPT 2021 – 2025 ini telah direka secara holistik dengan mengambil kira perubahan industri ke arah Revolusi Industri 4.0 dan selari dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030. Pelan Tindakan ini menggariskan tiga (3) teras utama untuk memperkasa agenda keusahawanan di IPT iaitu memperkukuh ekosistem

keusahawanan yang bersinergi, meningkatkan kolaborasi yang berimpak tinggi dan memperkasa inovasi dan teknologi dalam keusahawanan.

2. Menerusi PTK IPT 2021-2025, pelaksanaan program keusahawanan meliputi skop kesedaran, pembudayaan dan pengukuhan bagi meningkatkan kemahiran dan minat keusahawanan dalam diri para pelajar dan graduan IPT.
3. Untuk tujuan pemerksaan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan, Kementerian telah memberi tumpuan pelaksanaan program yang memupuk pembudayaan keusahawanan yang berasaskan teknologi dan inovasi, mendorong inovasi melalui tindakan praktikal untuk mentransformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan inklusif, dan membangunkan perusahaan pelajar dan graduan dengan keupayaan tersendiri berdasarkan inovasi atau aplikasi sains atau teknologi.
4. Dalam hal ini, Kementerian ini juga sentiasa mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama industri dalam pelbagai peringkat dan bentuk merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat, pengembangan jaringan perniagaan, pencarian dana dan mewujudkan situasi menang-menang bagi pelajar dan graduan IPT.

NO SOALAN: 40

5. Antara industri yang pernah terlibat adalah dari bidang teknologi komunikasi seperti Celcom Axiata Sdn.. Bhd, bidang teknologi kreatif seperti KRU Studios dan Warnakala, bidang peruncitan seperti Mydin Mohamed Holdings Berhad, peneraju inovasi seperti MRANTI dan Yayasan Inovasi Malaysia serta lain-lain pihak yang berkepentingan yang boleh membantu Kementerian untuk meneruskan agenda ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian membantu petani menggunakan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) dalam meningkatkan hasil tanaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa menggalakkan petani menggunakan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) seperti teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk meningkatkan hasil tanaman. Antara strategi Kementerian bagi meningkatkan penerimagunaan teknologi AI adalah seperti berikut:

- (i) pembangunan **aplikasi, infrastruktur dan kapasiti** antaranya:
 - a) menawarkan **latihan pertanian di pusat bertauliah yang dilengkapi teknologi pertanian pintar untuk tanaman** iaitu di Institut Pertanian Bumbung Lima, Pulau Pinang;
 - b) menyediakan **ladang contoh untuk rujukan petani** seperti Ladang Contoh Fertigasi di MARDI Alor Setar yang dilengkapi dengan teknologi pertanian pintar;
 - c) membangunkan **Direktori Teknologi Pertanian Pintar (DirekTANI)** yang **menyenaraikan sebanyak 51 solusi sistem pertanian pintar termasuk teknologi AI** yang ada di Malaysia; dan
 - d) menjalinkan kolaborasi dengan syarikat teknologi tempatan menerusi Program MyHackhathon anjuran Cradlefund Sdn. Bhd. untuk meneroka penggunaan teknologi AI dalam sektor agromakanan. Sistem yang dibangunkan adalah sistem

Gajah Safe yang menggunakan kamera AI di kawasan pertanian bagi memantau hidupan liar di ladang.

- (ii) geran dan kemudahan pembiayaan antaranya:
- a) **Program Ladang e-Satelit** dengan peruntukan RM10 juta berbentuk geran padanan pada nisbah 70 (Kerajaan) dan 30 (Peserta) dengan had maksimum RM30 ribu bagi membiayai sistem pertanian pintar.
 - b) **Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA)** dengan peruntukan RM60 juta yang menawarkan kemudahan pembiayaan untuk teknologi pertanian pintar berteraskan teknologi 4IR seperti AI dan *Internet of Things* (IoT) sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus untuk tempoh pinjaman sehingga 10 tahun.
 - c) **Program MD Agtech** dengan kolaborasi kementerian bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melibatkan pemasangan Sistem Pengairan Berasaskan Kecerdasan Buatan di ladang-ladang di seluruh negara.

Kementerian sentiasa komited dalam mentransformasikan sektor agromakanan menerusi peningkatan penggunaan teknologi 4IR seperti AI ke arah keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah perlindungan keselamatan selain amalan yang biasa dilakukan untuk menghindari serangan binatang liar seperti harimau dan gajah yang menyebabkan kehilangan nyawa di kawasan penempatan Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia prihatin dengan situasi konflik manusia dan spesies hidupan liar seperti gajah dan harimau termasuk di kawasan perkampungan Orang Asli di Ulu Jelai, Kuala Lipis, Pahang, Hulu Perak dan pedalaman Gua Musang, Kelantan.

2. Antara langkah perlindungan keselamatan yang telah diambil oleh Jabatan PERHILITAN bagi menghindari serangan hidupan liar seperti gajah dan harimau ialah:

- i. membina Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) kekal dan SPEG mudah alih di perkampungan Orang Asli;
- ii. melaksana kawalan rondaan serta pemantauan di kawasan konflik yang terletak di dalam kawasan habitat gajah. Tindakan tembak halau dijalankan bagi menghalau gajah masuk semula ke kawasan hutan berdekatan. Operasi tangkap-pindah gajah dijalankan jika gajah mengancam keselamatan penduduk; dan
- iii. memasang perangkap sekiranya terdapat aduan konflik serta menjalankan rondaan dan pemantauan penguatkuasaan di lokasi konflik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang-bidang pengajian lain bagi menambah nilai kebolehpasaran graduan di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa memastikan program pengajian yang ditawarkan adalah responsif industri dan selaras dengan dasar kerajaan peringkat nasional dengan menggunakan dasar-dasar peringkat nasional sebagai rujukan seperti Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia, *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP 2030) dan *National Energy Transition Roadmap* (NETR).
2. Di peringkat universiti awam (UA), terdapat kursus-kursus TVET yang ditindikkan dalam program-program pengajian lain bagi menambah nilai kebolehpasaran graduan. Selain itu, terdapat juga fakulti-fakulti yang menerapkan elemen TVET dalam semua kursus yang ditawarkan merentas program Diploma Pascasiswazah, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.
3. Bagi politeknik pula, melalui inisiatif Transformasi Politeknik, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 dan NETR yang merangkumi 21 sektor di mana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET iaitu teknologi/ teknologi kejuruteraan meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), rel, pembinaan dan membaikpulih kapal (SBSR), kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital dan ICT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan pengecualian sasaran semula subsidi diesel untuk Wilayah Persekutuan Labuan seperti yang bakal dinikmati oleh Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Program Subsidi Bersasar produk diesel ini adalah untuk Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi penduduk di Sabah dan Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan akan tetap menikmati harga runcit diesel pada harga semasa iaitu RM2.15 seliter.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah statistik laporan keterlibatan penduduk luar bandar Sarawak dalam kegiatan koperasi dan langkah-langkah meningkatkan peratusan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) komited dalam meningkatkan keterlibatan masyarakat termasuk masyarakat luar bandar melalui kegiatan berkoperasi. Sehingga Disember 2022, sebanyak 51% atau 586 koperasi daripada keseluruhan koperasi di Sarawak terdiri daripada kategori luar bandar dengan jumlah keanggotaan seramai 90,259 orang, jumlah modal syer/ yuran terkumpul sebanyak RM12.18 juta, jumlah aset koperasi bernilai RM69.17 juta dan nilai perolehan berjumlah RM167.16 juta. Antara contoh koperasi luar bandar yang berjaya di negeri Sarawak ialah:

- (a) Koperasi Song Kapit Berhad yang menjalankan perniagaan kedai runcit, aktiviti pemborongan, kontrak pembersihan dan bekalan bahan mentah serta projek perkhidmatan dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM4.5 juta pada tahun 2022;
- (b) Koperasi Kampung Bunan Serian Berhad yang menjalankan perniagaan kedai runcit di kampung dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM3.28 juta pada tahun 2022; dan
- (c) Koperasi Penduduk Daerah Asajaya Berhad yang menjalankan perniagaan kelapa sawit dan pisang dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.1 juta pada tahun 2022.

2. Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan dan sumbangan koperasi terutamanya di kawasan luar bandar di Sarawak, KUSKOP melalui SKM telah menyediakan bantuan kewangan seperti berikut:

- (a) geran bantuan pembangunan kepada koperasi yang berkeelayakan bagi mengukuh dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 10 koperasi luar bandar di Sarawak telah diluluskan geran bantuan pembangunan berjumlah RM884,700; dan
- (b) pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM (TMPSKM) tanpa cagaran sehingga RM200,000 kepada koperasi yang berkeelayakan bagi modal pusingan aktiviti perniagaan koperasi. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 2 koperasi luar bandar di Sarawak telah diluluskan pembiayaan TMPSKM berjumlah RM326,700.

3. Selain itu, program memasyarakatkan orang awam tentang koperasi turut diadakan melalui Program Pembudayaan dan Penggalakan Koperasi serta Pengenalan Koperasi di beberapa kawasan luar bandar, Program Pemerksaan Peluang Perniagaan Koperasi Melalui Perdagangan Petroleum di Bau dan Program Pemerksaan Sektor Pemborongan dan Peruncitan Koperasi di Serian.

4. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) turut menyediakan program/kursus latihan dan pendidikan kepada koperasi di luar bandar Sarawak melalui program dan kursus seperti pengurusan kewangan, pentadbiran koperasi, perakaunan koperasi dan pengurusan strategik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD
GHAFFAR
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah persediaan oleh pihak kerajaan untuk kemaslahatan jumlah warga emas yang semakin bertambah disebabkan jangka hayat rakyat yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Malaysia kini menghadapi peralihan demografi yang ketara akibat penuaan populasi. Populasi penduduk terdiri daripada individu berusia 65 tahun ke atas telah mencecah 7% daripada jumlah penduduk pada tahun 2021. Peratusan populasi ini dijangka akan berganda dalam tempoh 21 tahun akan datang. Peralihan ini akan menyebabkan Malaysia mencapai status negara tua (*aged nation*) pada tahun 2044. Peningkatan jangka hayat adalah salah satu faktor penyumbang utama kepada peralihan ini.

Pada masa kini, dasar penjagaan dan kebajikan warga emas direncanakan melalui Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang digubal pada 2011. DWEN dan PTWEN bertujuan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Penjagaan dan kebajikan warga emas merupakan salah satu tonggak dalam pembudayaan masyarakat MADANI. Sehubungan dengan itu, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 mengariskan inisiatif bagi memperkukuh penjagaan dan sokongan warga emas. Penggubalan akta warga emas bagi meningkatkan perlindungan sosial warga emas, mempergiat program dan perkhidmatan pembangunan geriatrik serta mempertingkatkan kualiti perkhidmatan

penjagaan warga emas merupakan antara persediaan bagi memperkukuh penjagaan dan sokongan kepada warga emas.

Kerajaan sedar bahawa perancangan masa depan bagi menangani isu negara tua tidak terhad kepada penjagaan dan kebajikan warga emas. Rumusan strategi dan tindakan menyeluruh diperlukan bagi menangani cabaran isu ini dalam bidang penjagaan kesihatan, pendidikan, kewangan, penggunaan tenaga, dan produktiviti. Maka itu, Kerajaan bersetuju supaya Agenda Negara Menua (ANM) diurus perdana dalam perancangan sosio-ekonomi negara.

Sehubungan itu, Kementerian Ekonomi sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan (*National Ageing Blueprint*) yang menyeluruh melalui satu kajian dengan kerjasama pihak *World Bank*. Rangka tindakan ini merangkumi perancangan dan perencanaan dasar, rangka kerja dan pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam menghadapi cabaran negara menua dan negara tua. Pelan ini yang dijangka akan siap pada tahun 2024 akan dapat membantu Kerajaan dalam menangani impak penuaan populasi termasuk memperkukuh dasar dan strategi sedia ada, termasuk berkaitan penjagaan dan kebajikan warga emas bagi meningkatkan tahap kesejahteraan populasi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan optimis persediaan yang dilaksanakan ketika ini dapat membantu negara untuk menangani dan mendepani cabaran negara menua dengan lebih berkesan. Kerajaan juga menyeru semua pihak agar dapat menggembeleng tenaga bersama serta memanfaatkan peluang

NO SOALAN: 46

perubahan demografi ini ke arah pembangunan ekonomi yang lebih mampan demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan model pelaksanaan dan pembiayaan baharu bagi projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, status terkini Projek *High Speed Rail* (HSR) adalah di dalam peringkat melaksanakan *Request for Information* (RFI) untuk mendapatkan input dan cadangan daripada pihak swasta yang berhasrat untuk meneruskan Projek HSR ini tanpa melibatkan pembiayaan oleh Kerajaan.

2. Pihak MyHSR Corporation Sdn. Bhd. (MyHSR Corp) yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan RFI ini telah melancarkan RFI pada 12 Julai 2023 dan sesi taklimat RFI telah dijalankan pada 27 Julai 2023. Pemain industri yang mengambil bahagian diberi sehingga 15 Januari 2024 untuk mengemukakan Cadangan Konsep. Seterusnya, Kerajaan akan menyenarai pendek cadangan yang berdaya maju untuk pertimbangan lanjut di peringkat Cadangan Terperinci.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) bilangan tadika Kerajaan yang boleh mengambil pelajar istimewa seperti pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran, autisme dan lain-lain; dan
- b) anggaran yuran bulanan untuk menghantar pelajar-pelajar istimewa ini ke tadika swasta dan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan bilangan tadika awam untuk pelajar-pelajar istimewa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited menyediakan program prasekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di seluruh negara. Sehingga kini terdapat sebanyak 9,909 buah kelas prasekolah KPM yang beroperasi di 6,294 buah sekolah.

Murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) boleh mengikuti prasekolah di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 225 buah prasekolah yang disediakan untuk MBPK di seluruh negara. Ini merangkumi 28 buah prasekolah di Sekolah Pendidikan Khas dan 197 buah prasekolah di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Prasekolah ini terbuka kepada enam kategori MBPK iaitu:

- i. ketidakupayaan penglihatan;
- ii. ketidakupayaan pendengaran;
- iii. ketidakupayaan pertuturan;
- iv. ketidakupayaan fizikal;
- v. masalah pembelajaran; dan
- vi. ketidakupayaan pelbagai.

KPM tidak menetapkan kadar yuran bulanan bagi sesebuah tadika swasta. Kadar yuran bulanan ditetapkan oleh pengusaha tadika sesuai dengan perkhidmatan yang ditawarkan serta kemudahan pembelajaran dan kemudahan asas yang disediakan. Walau bagaimanapun yuran bulanan yang dikenakan hendaklah mendapat kelulusan KPM terlebih dahulu.

NO SOALAN: 48

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, peluasan kelas prasekolah dilaksanakan pada setiap tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak untuk mengikuti pendidikan prasekolah. Pada tahun 2023, KPM telah melaksanakan peluasan sebanyak 118 buah kelas prasekolah. Bagi tahun 2024, KPM telah merancang untuk membuka sebanyak 129 kelas prasekolah KPM. Dalam konteks MBPK, peluasan kelas prasekolah dibuat berdasarkan kepada permintaan yang diterima daripada ibu bapa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.
IBRAHIM
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif baru daripada Kementerian untuk menaik taraf dan memastikan keberhasilan institusi Politeknik setaraf dengan institusi Politeknik di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui inisiatif **Transformasi Politeknik** yang sedang dibangunkan, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 dan NETR yang merangkumi 21 sektor di mana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET iaitu teknologi kejuruteraan meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), teknologi pertanian, rel, pembinaan dan membaikpulih kapal (SBSR), kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital dan ICT.
2. Justeru, penambahan penawaran program baharu TVET adalah selari dengan dasar nasional seperti NIMP 2030, NETR yang merangkumi bidang-bidang terkini dan termaju serta memenuhi kehendak industri.
3. Dalam hal ini, bermula tahun 2016 hingga 2022, seramai 81 orang pelajar politeknik telah menjalani latihan industri (LI) di beberapa buah negara antaranya di Singapura, United Kingdom, Doha, Hungary dan Thailand.
4. Syarikat luar negara yang terlibat antaranya adalah Holiday Villa Qatar kerjasama LI di Doha, Jaewon Frontier (M) Sdn. Berhad kerjasama LI di Hungary dan Western Digital di Thailand.

5. Berhubung perkara ini juga, dalam usaha Kementerian meningkatkan kualiti politeknik supaya setaraf dengan politeknik di luar negara, pelbagai langkah proaktif telah diambil. Kementerian menjalinkan kerjasama bersama industri bagi memastikan institusi dan graduan TVET selari dengan keperluan dan perkembangan industri.
6. Kerjasama ini merangkumi perkongsian kepakaran, khidmat nasihat terhadap kandungan pengajian dan latihan, penyediaan tempat bagi latihan industri serta pengimplementasian pendekatan *Work Based Learning* iaitu proses pembelajaran secara langsung dalam industri.
7. Antara pelaksanaan bagi maksud kerjasama ini adalah melalui program-program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, Industry on Campus (IOC), Industry Education Centre, Industry@University, Structured Internship Programme (SIP), Program Inkubator Penyelidikan dan Serap Industri KPT dan banyak lagi. Program-program ini bertujuan mempersiapkan graduan dengan set kemahiran praktikal yang mendapat permintaan tinggi industri.

8. Selain itu, Kementerian ini juga terus memantapkan kerjasama merentas kementerian serta agensi menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU). Baru-baru ini Kementerian telah menandatangani MoU bersama pihak SIRIM bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum dengan tujuan menjadikan penawaran pendidikan lebih relevan dan terkini bersesuaian dengan keperluan industri agar kebolehpasaran graduan dan penerimaan gaji premium dapat ditingkatkan.

9. Pemerkasaan hubungan dan kerjasama institusi TVET di bawah KPT akan terus dipertingkatkan secara berterusan selaras dengan pembentangan belanjawan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023 yang lalu dengan RM100 juta diperuntuk bagi pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kementerian untuk mendorong lebih banyak penglibatan Syarikat milikan kaum India di Bursa Malaysia, memandangkan bahawa ekuiti pemilikan kaum India masih kurang daripada 1.5 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip pasaran modal di Bursa Malaysia adalah telus dan terbuka di mana semua pelabur yang berminat dialu-alukan menyertai pasaran. Syarikat yang berpotensi dan berkelayakan turut dialu-alukan membuat penyenaiaan di Bursa Malaysia berdasarkan peraturan pasaran yang berkuat kuasa.
2. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia melalui Capital Markets Malaysia, dengan kerjasama SME Corporation Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation dan Cradle Fund, juga berusaha mengenal pasti dan mendorong perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta syarikat berinovasi dalam memenuhi keperluan pendanaan melalui penyenaiaan di Bursa Malaysia.
3. Di samping itu, Bursa Malaysia juga menawarkan bimbingan dan bantuan kepada syarikat yang berhasrat untuk menyertai penyenaiaan di pasaran modal sekali gus meningkatkan profil syarikat dan menjadi lebih kompetitif.
4. Dalam usaha untuk menggalakkan tawaran awam permulaan (*Initial Public Offering* - IPO), Bursa Malaysia sering memberikan penerangan mengenai proses penyenaiaan dan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat yang berminat. Selain itu, ketersediaan beberapa opsyen pasaran di Bursa Malaysia iaitu pasaran utama (*Main Market*), ACE dan LEAP dilihat berupaya menarik penyenaiaan syarikat daripada pelbagai saiz dan kematangan.

5. Bagi menyokong penyenaiaan syarikat berpotensi di Bursa Malaysia, Capital Markets Malaysia merancang untuk melancarkan Inisiatif Kepimpinan Eksekutif – Program ELEVATE pada suku kedua tahun 2024. Program ini yang disasarkan kepada pengasas dan eksekutif tertinggi perusahaan kecil dan sederhana serta syarikat peringkat pertengahan, menawarkan bimbingan profesional dalam aspek pembiayaan pasaran modal termasuk opsyen bagi pembiayaan pasaran modal, peningkatan profil dan keterlihatan syarikat, akses kepada pelabur berpotensi serta sokongan terhadap amalan tadbir urus dan keusahawanan yang lebih cekap.

6. Sehubungan itu, pelbagai usaha-usaha yang disenaraikan di atas berpotensi mendorong penglibatan lebih banyak syarikat untuk membuat penyenaiaan di Bursa Malaysia, termasuk syarikat-syarikat milikan kaum India.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tahap kesediaan Kerajaan dalam membina laluan khas untuk penggunaan mobiliti mikro di jalan raya khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur sebagai langkah menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas pada waktu puncak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara asas dan paling utama yang perlu disediakan terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti penggunaan kenderaan mikromobiliti boleh dipertimbangkan adalah penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang menyokong penggunaan selamat dan teratur kenderaan tersebut. Dalam hal ini, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan telah pun membangun dan menyediakan satu Garis Panduan Perancangan (GPP) Laluan Kenderaan Mikromobiliti untuk diterima pakai oleh mana-mana Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan kenderaan mikromobiliti digunakan dalam persekitaran yang selamat, terkawal dan mematuhi semua peraturan jalan raya.

2. Objektif paling utama penyediaan infrastruktur ini adalah bagi memastikan tahap keselamatan pengguna dan orang ramai adalah dikawal dan mengurangkan risiko berlakunya nahas jalan raya yang boleh menyebabkan kematian, kecederaan serius dan kerosakan harta benda. Pembangunan infrastruktur dan penyediaan kemudahan khas bagi kenderaan mikromobiliti bukan terletak di bawah skop Kementerian ini. Perkara ini adalah berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa yang berkenaan termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

3. Sebagai menyokong GPP yang telah dikeluarkan, Kementerian Pengangkutan sentiasa melaksanakan kerjasama strategik bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain pihak berkepentingan ke arah memudah cara penggunaan kenderaan mikromobiliti apabila semua infrastruktur dan kemudahan telah disediakan oleh PBT. Salah satu inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah Program Medan Uji Regulatori Negara Untuk Mikromobiliti dan Hari Keselamatan Kenderaan Mikromobiliti Peringkat Kebangsaan 2023 pada 12 Mac 2023 yang lalu dengan kerjasama PBT di Selangor. Program ini merupakan medan uji pertama yang dilaksanakan untuk pengoperasian kenderaan mikromobiliti.

4. Di bawah program ini, mana-mana PBT yang telah membangun dan mempunyai infrastruktur laluan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan mematuhi Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti yang telah dibangunkan oleh KPKT melalui agensinya PLANMalaysia, boleh mengemukakan permohonan untuk melaksanakan fasa pengujian atau pilot untuk pengoperasian dan penggunaan kenderaan mikromobiliti di lokasi yang ditetapkan. Semua input, maklum balas, hasil dapatan dan pengajaran daripada fasa pengujian ini akan digunakan dalam mengemaskini dan memuktamadkan peraturan penggunaan kenderaan mikromobiliti yang selamat di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persiapan yang sedang dilaksanakan Kerajaan bagi menghadapi musim tengkujuh di Kelantan khususnya daripada segi persiapan logistik penyelamat, Pusat Pemindahan Sementara dan bekalan makanan yang mencukupi terutamanya di kawasan yang sukar di hubungi akibat banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai persediaan menghadapi ketidak tentuan keadaan cuaca semasa dan untuk menghadapi musim Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 serta memastikan semua pihak yang berkaitan berada pada tahap siap siaga yang optimum pada setiap masa, Kerajaan telah mengambil tiga langkah berikut:

a) Pra Bencana

- i. Melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan persediaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan agensi-agensi tindak balas melalui program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara;
- ii. Melaksanakan program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara termasuk di negeri Sabah untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder*;

- iii. Dari aspek pemantauan dan amaran awal, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengemaskini dan mengenalpasti sebanyak 5,648 lokasi hotspot banjir di seluruh negara bagi menangani serta mengurangkan risiko banjir yang akan datang dengan pelaksanaan segera:
- a. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam takungan banjir dan infrastruktur di seluruh negara dilaksanakan secara sempurna dan berkala;
 - b. Pengaktifan Bilik Kawalan Operasi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) untuk beroperasi 24 jam dalam memberi ramalan dan amaran banjir kepada orang awam dan semua pihak berkaitan;
 - c. Penempatan 737 pam bergerak di semua lokasi hotspot banjir seluruh negara; dan
 - d. Menaik taraf stesen siren amaran banjir dan stesen kamera web bagi tujuan ramalan dan amaran banjir;

b) Persediaan Tindak Balas Bencana

- iv. Untuk makluman Yang Berhormat, khususnya di negeri Kelantan, seramai **3,945 pegawai dan anggota agensi tindak balas** berada dalam keadaan siapsiaga sepenuhnya dengan **2,234 unit pelbagai aset** meliputi aset darat, air, udara dan lain-lain. Pihak JPS juga telah menempatkan **140 pam**

bergerak di **617 lokasi hotspot banjir** seluruh negeri Kelantan;

- v. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **448 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang telah bersiap sedia melibatkan **314 sekolah, 45 balairaya atau dewan, 47 masjid atau surau** dan **42 pusat komuniti** yang mampu menampung **175,493 mangsa** di seluruh negeri Kelantan dalam satu-satu masa.
- vi. JKM juga telah melantik **57 pembekal barang keperluan asas** di negeri Kelantan melibatkan **26 pembekal berskala besar dan 31 pembekal berskala kecil**. Pihak JKM turut membuat penambahbaikan dengan menyediakan **5,000 Makanan Retort** bagi tempoh 24 jam pertama mangsa bencana berada di PPS yang mana Makanan Retort ini sudah mula digunakan oleh beberapa buah negeri ketika MTL 2022/2023 seperti di Kedah, Pahang dan Johor.
- vii. Pihak JKM juga telah memaksimumkan Fasiliti Penyimpanan Bantuan Bencana di seluruh negeri Kelantan mulai bulan September dan Oktober bagi menghadapi MTL 2023/2024 melibatkan **satu (1) Depot Simpanan Keperluan Bencana, 17 Stor Daerah, lima (5) Mini Depot** dan **160 Pangkalan Hadapan**.

c) Penyelarasan Pasca Bencana

- viii. Penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal, pembersihan, dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan dan pembaikan segera kerosakan infrastruktur). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara JPBN dan JPBD bersama NGO berkaitan penyelarasan pengurusan bantuan;
2. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana, Mesyuarat JPBP Bilangan 2 Tahun 2023 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.
3. Bagi tujuan pengoperasian bencana MTL 2023/2024, sebanyak **RM323.63 juta** akan diperuntukkan kepada JPBN untuk kegunaan **160 buah daerah** di bawah semangat Malaysia Madani bagi mengurangkan kesukaran dalam menguruskan bencana MTL saban tahun dan memastikan kebajikan rakyat yang terjejas sentiasa terpelihara

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem agihan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) bagi memastikan golongan penoreh yang mengambil upah menoreh juga mendapat manfaat IPG secara adil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyaluran Insentif Pengeluaran Getah (IPG) adalah bersifat menyeluruh yang merangkumi pemilik kebun getah dan juga pengusaha (penoreh) berdasarkan tafsiran rasmi semasa pekebun kecil getah di Malaysia.
2. Kerajaan menyalurkan bantuan IPG kepada kedua-dua pemilik dan penoreh dengan **mengambil kira keperluan dan persetujuan pembahagian kedua-dua pihak**. Pemilik kebun getah memerlukan bantuan IPG bagi membeli input pertanian seperti baja dan racun serta penyelenggaraan kebun. Manakala penoreh getah memerlukan bantuan untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.
3. Bagi memastikan semua pekebun kecil ini mendapat manfaat IPG, adalah amat penting untuk mereka memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) yang sah dan aktif serta menjual kepada pelesen yang menggunakan sistem RRIMniaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah *Budget Deficit* yang berpanjangan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terutamanya selepas pandemik Covid-19 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani hal berkaitan Belanjawan defisit, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan tumpuan kepada dua (2) fokus utama iaitu melalui peningkatan hasil dan kawalan perbelanjaan.

2. Antara strategi untuk meningkatkan kutipan hasil adalah dengan memperkenalkan hasil-hasil baru seperti pengenaan caj Bas GoKL kepada warga asing, mengkaji semula fi sedia ada melalui pindaan Undang-Undang Kecil Fi (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2022 dan memperkasakan kutipan tunggakan hasil melalui pelaksanaan beberapa pelan tindakan seperti mengadakan rundingan bersemuka serta pemantapan tindakan penguatkuasaan.

3. Kawalan terhadap perbelanjaan juga sangat penting dalam memastikan hasil yang dijana dapat menampung perbelanjaan. Antara langkah yang diambil adalah dengan memberikan keutamaan kepada perbelanjaan yang berkaitan dengan fungsi-fungsi utama DBKL sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di samping pengurusan perbelanjaan secara berhemat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L SAMY
VELLU
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L SAMY VELLU minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambahkan pendapatan Kerajaan memandangkan defisit fiskal Kerajaan berada pada -5.0% bagi tahun 2023 dan diunjurkan -4.3% bagi tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 2024, paras defisit fiskal dijangka terus menurun kepada 4.3% daripada KDNK berbanding 5% pada 2023 dan kekal pada landasan konsolidasi selari dengan jangkaan hasil yang lebih tinggi dan perbelanjaan yang lebih rendah. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2024 dianggar terus meningkat kepada RM307.6 bilion atau 15.6% daripada KDNK didorong oleh kutipan cukai yang lebih tinggi. Jumlah perbelanjaan pula diunjur berkurang kepada RM393.8 bilion atau 19.9% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh komitmen kewangan yang lebih rendah.

Kerajaan komited dalam usaha menambah hasil pendapatan negara dan antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Langkah mobilisasi hasil termasuk meluaskan asas hasil cukai; menambah baik dan menyemak semula struktur dan perundangan cukai; serta pemberian insentif percukaian. Kerajaan juga akan melaksanakan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) bagi memastikan perancangan cukai jangka sederhana adalah lebih teratur dan sepadan dengan perbelanjaan. Di samping itu, Kerajaan juga telah menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang dijangka dapat mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal negara;

- ii. Di dalam Belanjawan 2023, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah percukaian bagi meningkatkan kutipan hasil negara seperti meningkatkan mata peratusan kadar cukai pendapatan individu antara 0.5 hingga 2 bagi banjaran pendapatan antara RM1 juta hingga RM2 juta serta melebihi RM2 juta, program pengakuan sukarela di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan duti eksais ke atas vape;

- iii. Di dalam Belanjawan 2024 pula, Kerajaan telah mengumumkan peningkatan kadar cukai perkhidmatan dari 6% ke 8% bagi semua perkhidmatan dan tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi. Di samping itu, peluasan skop cukai perkhidmatan ini diluaskan kepada perkhidmatan logistik, pembrokeran, penaja jaminan dan karaoke; Di samping itu, pada tahun 2024 Kerajaan akan melaksanakan cukai barangan mewah, cukai keuntungan modal dan e-invois dalam usaha meluaskan asas hasil negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
Sejauh manakah pelaksanaan program kesejahteraan rakyat dan pembasmian kemiskinan melalui sistem eKasih, semua Kementerian, Kerajaan Negeri dan pejabat daerah sebagai saluran bantuan kepada kumpulan sasar di Wilayah Sabah.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 30 November 2023, sebanyak 927,502 bantuan dengan nilai RM1.7 bilion telah direkodkan dalam Sistem eKasih yang melibatkan seramai 71,722 Ketua Isi Rumah (KIR) dan 111,775 Ahli Isi Rumah (AIR) di Sabah. Bantuan ini adalah daripada pelbagai agensi pemberi bantuan termasuk Kementerian dan Kerajaan Negeri. Sistem eKasih digunakan sebagai sistem rujukan bagi penyampaian bantuan-bantuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah dan usaha Kerajaan bagi menyamaratakan inisiatif subsidi bersasar daripada sudut percukaian agar tidak membebankan golongan M40 yang majoritinya adalah pembayar cukai pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Belanjawan 2024 yang telah dibentangkan pada 13 Oktober 2023, Kerajaan mengumumkan bahawa Program Penyasaran Subsidi akan dilaksanakan secara berfasa bermula dengan subsidi elektrik dan seterusnya produk petrol dan diesel. Secara amnya, pemberian subsidi adalah salah satu bentuk bantuan sosial yang bertujuan untuk mengurangkan tanggungan kewangan rakyat terutamanya kumpulan B40 dan M40. Pemberian tersebut dapat menampung sebahagian daripada kos barangan dan perkhidmatan asas tertentu yang perlu dibayar oleh kumpulan sasar. Selain itu, penjimatan daripada langkah penyasaran subsidi akan disalurkan kepada golongan berpendapatan rendah khususnya melalui pemberian bantuan tunai bagi menangani kenaikan kos sara hidup sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2024.

Dalam konteks percukaian, bagi menangani peningkatan kos sara hidup, Kerajaan telah menyemak dan menstruktur semula kadar cukai pendapatan individu pemastautin. Melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari 2023, kadar cukai pendapatan individu pemastautin bagi setiap banjaran pendapatan bercukai di antara RM35,001 hingga RM100,000 telah diturunkan sebanyak 2 mata peratusan, berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2023. Penurunan ini dapat menambah pendapatan boleh guna golongan berpendapatan sederhana. Langkah ini dijangka memanfaatkan seramai 2.4 juta pembayar cukai dengan lebihan pendapatan boleh guna sehingga RM1,300 setahun untuk setiap individu.

NO SOALAN: 57

Di samping itu, pembayar cukai boleh menuntut pelepasan cukai yang meliputi pelepasan diri sendiri, anak-anak, perbelanjaan perubatan, gaya hidup, potongan KWSP, yuran penghantaran anak ke taska dan lain-lain pelepasan yang diperuntukkan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Pelepasan cukai ini juga dapat membantu pembayar cukai individu mengurangkan tanggungan cukai dan meningkatkan pendapatan boleh guna mereka. Selaras dengan system percukaian yang progresif, kumpulan B40 pula tidak termasuk di dalam skop individu yang dikenakan cukai pendapatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A. ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah motosikal p-hailing yang telah disita oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sepanjang tahun ini mengikut jenis kesalahan dan apakah bentuk pemudah cara yang telah dipertimbangkan kepada pemilik-pemilik motosikal yang terlibat untuk mendapatkan semula motosikal mereka dalam tempoh yang singkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa mengawalselia dan menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan [Akta 333] ke atas semua jenis kenderaan termasuklah kenderaan motosikal secara keseluruhannya dan tidak hanya tertakluk kepada sektor perkhidmatan p-hailing.

2. Dalam hubungan ini, bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2023, JPJ telah merekodkan statistik penguatkuasaan terhadap motosikal iaitu 536,090 kes merangkumi pelbagai kesalahan (termasuk sektor perkhidmatan p-hailing) yang mana kesalahan tertinggi adalah melibatkan kesalahan tidak memiliki Lesen Memandu atau CDL (*Competent Driving License*) yang sah sebanyak 167,513 kes. Manakala kesalahan kedua tertinggi adalah kesalahan tiada perlindungan insurans sebanyak 110,611 kes.

3. Di bawah Seksyen 64(1) Akta 333, Pegawai Pengangkutan Jalan boleh menyita kenderaan bagi tujuan mengenal pasti identiti pemandu, identiti kenderaan atau untuk memberhentikan sesuatu kesalahan daripada berterusan. Tindakan menyita juga adalah bagi melengkapkan prosedur siasatan pelbagai kes kesalahan semasa dan rekod lampau pengendali kenderaan seperti tiada insurans, tiada lesen memandu, ubah suai piawai keselamatan dan sebagainya.

4. Kenderaan yang disita oleh JPJ boleh dituntut atau dilepaskan apabila Prosedur Menuntut Kenderaan Disita JPJ telah diselesaikan iaitu identiti pemandu atau kenderaan telah dikenal pasti, kesalahan yang dilakukan telah diberhentikan dan telah dilepaskan oleh pihak mahkamah.

5. Sekiranya tiada tuntutan dibuat oleh pemunya berdaftar dalam tempoh 90 hari daripada tarikh hari disita, pihak JPJ akan membuat proses permohonan lucuthak di Mahkamah dan akan diteruskan dengan proses lelongan kepada umum setelah mendapat perintah lucuthak daripada pihak mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI PROF. EMERITUS DR.
AWANG BIN SARIYAN
TARIH : 13 DISEMBER 2023

DATUK SERI PROF. EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil untuk mengatasi kesan perbezaan firqah-firqah yang mempengaruhi kehidupan umat Islam di negara ini, khususnya kestabilan sosial, politik dan amalan beragama.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM

BIN HAJI MOKHTAR

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Istilah 'firqah' digunakan oleh para ulama' dalam membincangkan perpecahan fahaman di kalangan masyarakat Islam. Dalam disiplin pengajian Islam, fahaman yang diiktiraf oleh syarak hanya satu iaitu fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ), meskipun wujud puluhan fahaman lain seperti Khawarij, Muktazilah, Syiah, Mujassimah dan lain-lain. Perbezaan pemikiran ini biasanya diwakili oleh kelompok dan bukannya individu dan membabitkan kecenderungan dalam pelbagai aspek seperti agama, politik dan sebagainya.
2. Kerajaan sentiasa komited dalam menjalankan tanggungjawab kepada umat Islam di Malaysia dalam menangani isu firqah ini bagi menyatukan ummah di bawah satu pegangan yang sama dengan swasta menitikberatkan sistem pendidikan yang disampaikan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi awam dan swasta berteraskan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.
3. Sehubungan itu, JAKIM sentiasa berkolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menganjurkan majlis-majlis ilmu seperti Forum Bicara MADANI bertajuk Adab Perbezaan Pendapat sempena Majlis Peluncuran Buku Adab Perbezaan Pendapat

Dalam Islam pada 4 Julai 2023. Buku terbitan semula secara bersama oleh JAKIM dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ini adalah merupakan buku terjemahan Haji Rivai Batubara daripada buku *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*, karya Sheikh Dr. Taha Jabir Fayyad al-Alwani (1935- 2016).

4. Buku ini membolehkan masyarakat menghayati akhlak Islamiyyah dalam menyatakan pandangan sebagaimana yang diajar oleh Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, JAKIM turut mengadakan Seminar Penghayatan Sahih Al-Bukhari dan Peluncuran Majlis Hadis Al-Bukhari Peringkat Kebangsaan yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang diadakan pada 22 Julai 2023 bertujuan untuk memperkukuh penyatuan fikrah agamawan yang menjadi tulang belakang kepada agenda pembaharuan dan pembangunan ummah.
5. Para daie yang sentiasa menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat turut berperanan dalam menyatukan fikrah masyarakat Islam di Malaysia. Oleh yang demikian, Pejabat Mufti seluruh Malaysia mensyaratkan agar permohonan tauliah mengajar dibuat bagi mengawal individu-individu dari dalam dan luar negara yang tidak berkelayakan dari menyampaikan pengajaran di premis-premis yang dibenarkan. Tindakan ini dilaksanakan agar semua daie memberikan pengajaran bertepatan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah sekaligus membantu masyarakat bersatu di bawah satu fikrah yang sama.

6. Teknologi juga membantu menyebarkan dakwah yang boleh sampai kepada golongan sasaran dengan lebih mudah dan cepat. Penggunaan media sosial oleh pendakwah perlu lebih menekankan konsep tauhid dan menjadikan Islam sebagai cara hidup. Dalam konteks komunikasi Islam yang mempunyai ruang lingkup yang lebih luas tentang media, Islam telah menetapkan bahawa media Islam mestilah selari dengan peranan agama Islam itu sendiri. Justeru, JAKIM telah menerbitkan Garis Panduan Hiburan dan Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam bagi memberi panduan kepada masyarakat dan individu yang terlibat dalam penyampaian kandungan-kandungan berkaitan agama dalam bentuk digital. Semua pihak yang terlibat dengan penggunaan media sosial ini perlu mengajak ke arah kebaikan dengan menggunakan pendekatan berhikmah.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh mana peranan Komuniti Media MADANI yang akan bertindak sebagai lidah rasmi propaganda Kerajaan dan implikasi terhadap kebebasan rakyat untuk bersuara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa Komuniti Media Madani tidak ditubuhkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan. Inisiatif dan dasar Kerajaan diuar-uarkan melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 13 DISEMBER 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan juga agensi Kerajaan yang lain dalam menghadapi musim tengkujuh dan banjir tidak lama lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai persediaan menghadapi ketidaktentuan keadaan cuaca semasa dan untuk menghadapi musim Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 serta memastikan semua pihak yang berkaitan berada pada tahap siap siaga yang optimum pada setiap masa, Kerajaan telah mengambil tiga langkah berikut:

a) **Pra Bencana**

- i. Melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan persediaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan agensi-agensi tindak balas melalui program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara;
- ii. Melaksanakan program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara termasuk di negeri Sabah untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder*;

iii. Dari aspek pemantauan dan amaran awal, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengemaskini dan mengenalpasti sebanyak 5,648 lokasi hotspot banjir di seluruh negara bagi menangani serta mengurangkan risiko banjir yang akan datang dengan pelaksanaan segera:

- a. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam takungan banjir dan infrastruktur di seluruh negara dilaksanakan secara sempurna dan berkala;
- b. Pengaktifan Bilik Kawalan Operasi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) untuk beroperasi 24 jam dalam memberi ramalan dan amaran banjir kepada orang awam dan semua pihak berkaitan;
- c. Penempatan 737 pam bergerak di semua lokasi hotspot banjir seluruh negara; dan
- d. Menaik taraf stesen siren amaran banjir dan stesen kamera web bagi tujuan ramalan dan amaran banjir;

b) Persediaan Tindak Balas Bencana

iv. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya di seluruh negara, seramai **66,169 pegawai dan anggota** pelbagai cabang agensi Kerajaan di semua peringkat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya dengan sokongan **25,440 unit pelbagai aset**;

- v. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara** yang mempunyai kapasiti untuk **menempatkan 1,620,855 mangsa di seluruh negara;**

c) Penyelarasan Pasca Bencana

- vi. Penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal, pembersihan, dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan dan pembaikan segera kerosakan infrastruktur). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara JPBN dan JPBD bersama NGO berkaitan penyelarasan pengurusan bantuan;
2. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana, Mesyuarat JPBP Bilangan 2 Tahun 2023 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.
 3. Bagi tujuan pengoperasian bencana MTL 2023/2024, sebanyak **RM323.63 juta** akan diperuntukkan kepada JPBN untuk kegunaan **160 buah daerah** di bawah semangat Malaysia Madani bagi mengurangkan kesukaran dalam menguruskan bencana MTL saban tahun dan memastikan kebajikan rakyat yang terjejas sentiasa terpelihara

Sekian, terima kasih.